

Sinar Rohani

سینار روھانی
Pembimbing Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA / BIL. 80 TAHUN 19 / WWW.ISLAM.GOV.MY

ISU 1/2016

MENUJU
PUNCAK
KETAKWAAN

SALAHKAH
MEMPERTIKAIKAN
TAKDIR?

KEHEBATAN
RAMADHAN

PERCUMA

ISSN 1511-1903



9 771511190108



NAKHODA

Menjadi nakhoda kepada diri sendiri

Tidak semudah yang disangka nurani

Kadangkala aku tertewas dengan hati

Kadangkala aku tenggelam dengan nafsu duniawi

Kadangkala aku lemas dalam lautan ciptaan sendiri

Kadangkala aku rebah tanpa luka dek duri

Luka yang tidak berdarah pada zahiri

Sungguh..

Pesona dunia membuaikan jiwa

Menguji hati kecil segenggam tangan ini

Menggugat goyah dengan segala nikmat yang dikurnia

Maka..

Ketuailah kapal diri di lautan alam fana ini

Dalam menempuh alam yang satu lagi

Nakhodailah diri dengan iman dan takwa dalam hati

Untuk selamat di sini dan di akhirat nanti

Nukilan :
Ruqaiyah Mohd Zain

KANDUNGAN



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara online oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1418H. Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungnya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

- | | |
|--|---|
| 01 Sajak / Puisi
Nakhoda | 24 Sains dan Islam
Air Menurut Perspektif Islam |
| 02 Laman Pengarang
Puasa Penyejuk Jiwa | 29 Jil al-Qur'an
Mengenali Nabi Ibrahim AS |
| 03 Pengurusan Islam
Tujuh Petua Untuk Hati Bahagia! | 32 Cerpen
Ramadhan Pertama |
| 06 Aqidah
Salahkah Mempertikaikan Takdir? | 35 Global
Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) di Institut Pengajian Tinggi (IPT)? |
| 10 Isu
Menuju Puncak Ketakwaan | 38 Muamalat
Sistem pajak Gadai Islam
<i>Ar-Rahnu</i> : Pilihan atau Kewajipan? |
| 13 Islam dan Semasa
Kerana Kari, Capati Berasa,
Kerana Jari, Hati Terasa | 42 Sinar Jumaat
اعير: ساتو انوکره |
| 16 Halal dan Haram
Kehebatan Ramadhan | |
| 19 Ziarah Masjid di Malaysia
Sarawak Bumi Kenyalang | |



PUASA 彭耶居精神

PUASA PENYEJUK JIWA

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Puasa itu bagaikan perisai, apabila seseorang berpuasa, jangan berkata kotor dan kasar. Jika seseorang mencacinya atau menyerangnya, hendaklah dia mengatakan: "Aku ini berpuasa." (Riwayat Bukhari). Menerusi hadith ini jelas membuktikan keistimewaan puasa dapat menenangkan jiwa yang kacau, menguatkan kesabaran dan bertindak sebagai penyejuk jiwa!

Menerusi sebulan berpuasa pada bulan Ramadhan terkandung pelbagai keistimewaan yang tersirat di sebalik perintah Allah SWT. Antaranya: Puasa mencetuskan perasaan simpati dan menguatkan jalinan ukhuwah. Menahan makan dan minum sepanjang bulan Ramadhan mampu mencetuskan perasaan simpati terhadap golongan miskin. Pada hari-hari biasa kita sentiasa 'mewah' dengan makanan, tetapi dengan kehadiran Ramadhan, kita diperintahkan supaya berpuasa pada siang hari. Bagi yang menghayatinya, pasti terdetik betapa susahnya golongan miskin yang terpaksa menanggung kelaparan akibat kemiskinan, peperangan dan sebagainya. Bagi yang berkemampuan, sumbangan sedekah dihulurkan dan secara langsung menguatkan jalinan ukhuwah sesama insan.

Sama-samalah kita berazam untuk menjadikan puasa kali ini "yang terbaik dan perisai daripada melakukan kejahanatan." Rebutlah ganjaran pahala yang 'terhidang' pada bulan Ramadhan. Semoga puasa yang diberkati dan penyejuk jiwa menjadi milik kita bersama.

Salam Hormat. SR

I SIDANG REDAKSI →

PENAUNG

- Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha (Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT

- Dato' Haji Razali bin Shahabudin (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM)

KETUA PENGARANG

- Abdul Hamid bin Mohamed Salleh

TIMBALAN KETUA PENGARANG

- Hashim bin Salleh

PENGARANG

- Nor Hashimah binti Embong

PENOLONG PENGARANG

- Azura binti Ibrahim

PENYUNTING

- Baharuddin bin Malek
- Wan Nadzirah binti Wan Mohamad
- Nor Simah binti Khalim
- Siti Kasmah binti Kassim

PENGURUS EDARAN

- Mohd Rashidi bin Mohd Jamil

PEMBANTU EDARAN

- Erniza binti Mat Kassim
- Mohd Shuhaidil bin Shukri

REKA BENTUK

- ZAZ ALLIANCE

E-MEL

- sinar@islam.gov.my

editor

Tujuh Petua Untuk Hati Bahagia

ROSNANI MOHD SALLEH | (Pensyarah Undang-Undang UiTM Cawangan Johor)

Bahagia adalah sesuatu yang subjektif. Setiap orang yang hidup di dunia ini mahukan kebahagiaan, bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat juga. Malah, ada juga yang menyebut : *“Dunia adalah tempat berpenat, akhirat adalah tempat berehat.”* Namun begitu, persoalan demi persoalan sering sahaja menerjah ke minda.

“Adakah kebahagiaan itu akan singgah di hati semua orang?” “Apakah tips-tips yang boleh diamalkan untuk mendapat sekeping hati yang bahagia?” “Senangkah untuk meraih hati yang bahagia?”



Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan bahagia itu adalah suasana senang, aman serta gembira. Tidak dinafikan bahawa setiap makhluk yang bernyawa mempunyai cara yang tersendiri untuk merasai nikmatnya bahagia. Ya! Terpulanglah pada kita untuk mencari jalan-jalan bahagia asalkan cara yang kita guna itu adalah cara yang direhui oleh Allah SWT. Artikel ini akan menyentuh tentang tujuh petua untuk meraih hati yang bahagia:-

1 Menjaga solat fardhu sepanjang masa. Solatlah pada awal waktu kerana solat itu adalah tiang agama. **Jika solat ini dipandang ringan, bagaimanakah kita mahu menghadap Allah SWT di akhirat kelak?** Hakikatnya, solat adalah amalan pertama yang akan dihitung di Padang Mahsyar yang penuh dengan lautan manusia. **“Tidakkah kita mahu menjadi penghuni syurga?”** Solatlah pada awal waktu untuk merasa bahagia di hati yang satu. Firman Allah SWT yang bermaksud : **“Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala solat Fardhu, khasnya solat Wusta (solat Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam solat kamu) dengan taat dan khusyuk.”** (al-Baqarah : 238).

2 Sentiasa memberi maaf. Apabila seseorang menghulurkan kemaafan, terimalah dengan dada yang lapang. Usahlah diungkitkan kesalahan yang lalu kerana

tiada manusia yang maksum daripada salah dan silap sepanjang waktu. Terimalah maaf yang dihulurkan dengan hati yang tenang. Usahlah diingat segala kebaikan kita terhadap orang tetapi ingatlah setiap kebaikan orang terhadap kita. Mudah-mudahan ada bahagia di hati dan semoga silaturahim yang terbina akan berkekalan sehingga ke hujung nyawa.

3 Perbanyakkanlah bersedekah. Allah SWT amat suka kepada mereka yang suka bersedekah. Sedekah tidak semestinya dalam nilai dan jumlah yang besar. Sedekah tidak semestinya dengan duit dan harta benda semata-mata. **“Bukankah senyuman sudah dikira sebagai sedekah?”** Apabila meninggalnya seseorang, tiga perkara yang akan memberinya pahala yang berpanjangan adalah ilmu yang dimanfaat, anak yang soleh dan sedekah jariah. Rebutlah peluang untuk bersedekah selagi Allah SWT masih memberikan kita nikmat untuk bernafas di bumi-Nya yang indah.

4 Menyambung silaturahim dan janganlah sesekali kita memutuskan silaturahim sesama kita. Menjaga dan memanjangkan silaturahim merupakan amalan yang mulia. Amalan ziarah

menziarahi dan kunjung mengunjung mestilah sentiasa diamalkan, bukan hanya setakat di pagi hari raya sahaja. Jika terdapat perselisihan faham, hendaklah segera memohon maaf dan tidak dipanjangkan pergaduhan itu sehingga memusnahkan perhubungan yang telah terjalin. Percayalah, mengalah tidak bermakna kita kalah!





5 Hiduplah dengan penuh kesederhanaan. Bersederhanalah dalam semua perkara sama ada dari segi pakaian, percakapan mahu pun perbelanjaan. Jangan terlalu berlebih-lebih kerana berlebih-lebih itu bukanlah sifat Mukmin yang dicintai oleh Allah SWT. Boleh jadi rezeki yang kita punya terdapat hak orang lain yang perlu ditunaikan segera. Jika kita mempunyai lebihan rezeki, tidak salah untuk kita saling berbahagi.

6 Jangan ada dendam dan dengki dalam hati. Hati mestilah bersih daripada sifat dendam dan dengki. Janganlah kita sakit hati apabila melihat kejayaan dan kelebihan orang lain. Perasaan dengki dan dendam tiada langsung kebaikan. Sentiasalah bersangka baik terhadap Allah SWT. Mudah-mudahan ada rezeki yang Allah SWT sediakan untuk kita juga apabila kita mendoakan kejayaan insan

yang ada di sekeliling kita. Jangan pula kita hanya tahu mencari salah orang. Contohilah mereka yang berjaya dan jadikan kejayaan mereka sebagai obor pembakar untuk kita terus mengorak langkah maju ke hadapan.

7 Mengukir senyuman. Senyumlah seindah suria. Semoga senyuman yang manis bukan sahaja mendamaikan jiwa tapi auranya turut memberi kesan kepada mereka yang ada berdekatan. Senyum juga boleh menghilangkan tekanan pada diri sendiri. Senyumlah selalu, mudah-mudahan senyum kita menjadi penawar bagi hati yang sedang berduka dan menjadi sebab untuk orang lain turut berbahagia.

Hati mestilah bersih daripada sifat dendam dan dengki. Janganlah kita sakit hati apabila melihat kejayaan dan kelebihan orang lain. Perasaan dengki dan dendam tiada langsung kebaikan. Sentiasalah bersangka baik terhadap Allah SWT.



SALAHKAH MEMPERTIKAIKAN TAKDIR?

DZULHILMAN ROSLAN | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam | Kader penjara Simpang Renggam, Johor

**Pernahkah kita memikirkan,
mengapakah Allah SWT meletakkan nasib kita ‘begitu’ dan bukan ‘begini’?**

Pernahkah terlintas di hati kita bertanyakan, mengapakah Allah SWT menjadikan orang itu berharta, mempunyai pangkat, mempunyai rupa dan sebagainya. Tetapi mengapa bukan kita?

Itulah yang dikatakan sebagai takdir daripada Allah SWT. Semua yang berlaku telah ditetap dan ditentukan oleh Allah SWT sejak azali lagi berdasarkan ilmu Allah SWT Yang Maha Luas meliputi seluruh alam ini. Sesungguhnya, Dia lebih tahu segala yang terbaik buat hamba-Nya. Sebagai contoh, Allah SWT menjadikan kaum wanita untuk mengandung dan melahirkan anak dan tidak pula Allah SWT menjadikan kaum lelaki untuk mengandung dan melahirkan anak kerana Allah SWT mengetahui bahawa kaum wanita lebih layak untuk mengandung dan melahirkan anak berbanding kaum lelaki.

Bayangkan kalau kaum lelaki yang mengandung dan melahirkan anak, apa yang terjadi? Semestinya kita tidak sanggup untuk membayangkan seorang lelaki yang dikenali dengan sifat yang lasak, tiba-tiba mengandungkan anaknya. Tidak boleh dibayangkan. Berbanding dengan kaum wanita yang Allah SWT kurniakan kepadanya dengan sifat yang lemah-lembut, penyabar dan penyayang agar dia mampu bertanggungjawab selama sembilan bulan dalam kandungan, seterusnya sebelum dan selepas kelahirannya kelak.

Kebanyakan perkara yang berlaku itu disebut sebagai fitrah yang tidak boleh diubah. Justeru itu, segala perkara yang berkaitan dengan fitrah berkait rapat dengan sebahagian kehidupan manusia adalah sebahagian daripada ketetapan qada’ dan qadar daripada Allah SWT. Isu yang timbul sejak kebelakangan ini adalah segelintir umat manusia yang tidak faham dengan konsep sebenar beriman kepada qada’ dan qadar. Golongan ini beranggapan bahawa qada’ dan qadar adalah suatu ‘paksaan’ daripada Allah SWT terhadap hamba-Nya. Kalau benar ia suatu ‘paksaan’ daripada Allah SWT

sekalipun, **apa yang menjadikan masalahnya?** Bukanakah itu yang selayaknya sebagai seorang hamba terutama hamba kepada tuhannya, **perlu tunduk serta patuh dengan kehendak dan kemahuan tuannya?**

Bagi memperbetulkan pandangan yang salah sebegini, mereka perlulah memahami dan mengenali Allah SWT lebih mendalam terutama sifat Allah SWT yang menyatakan bahawa Allah SWT Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Ini bermakna, segala ketentuan Allah SWT, segalanya berada dalam pengetahuan Allah SWT Yang Maha Bijaksana dan Maha Berkehendak. Segalanya berada dalam ilmu Allah SWT Yang Amat Luas tanpa dipengaruhi oleh sebarang makhluk.

Cuba kita renungi penciptaan tubuh badan kita, **mengapakah Allah SWT mengurniakan kita kepala di atas dan kaki di bawah? Kenapa Allah SWT tidak menjadikan kaki di atas kepala di bawah? Mengapakah Allah SWT menjadikan hidung, lubangnya ke bawah? Kenapa tidak dijadikan lubang hidung menghala ke atas?** Kalau Allah SWT ciptakan lubang hidung menghala ke atas, pastinya sukar untuk manusia setiap kali terkena hujan dan habuk kerana terpaksa menyediakan ‘bumbung’ bagi mengelakkan air dan habuk tersebut masuk ke dalam hidung. Sesungguhnya ini salah satu bukti betapa bijaksananya Allah SWT yang menjadi dan menciptakan makhluknya.

Salahkah kita mempertikai dan menyalahkan takdir? Ada yang berpendapat bahawa kalau kita

menyalahkan takdir, bermakna kita telah menyalahkan “perancang kepada takdir” iaitu Allah SWT yang merancang takdir. Pastinya ia suatu yang berdosa dan menjelaskan aqidah kita. Hakikatnya, menjadi suatu kesalahan apabila kita telah didebak dengan ilmu pengetahuan tentang suatu perkara, namun kita menolaknya mengikut aturan dan kemahuan yang kita kehendaki, itu yang salah. Contohnya seseorang yang terlibat kemalangan kerana berlumba secara haram menyalahkan takdir sedangkan dia sendiri sengaja mencampakkan dirinya ke ‘lembah’ kemudharatan. Dia sendiri telah mengetahui bahawa berlumba secara haram boleh membahayakan dirinya dan orang awam, namun apabila berlaku perkara yang tidak diingini, dengan mudah dia menyalahkan takdir. Ia suatu tanggapan yang salah dan perlu diperbetulkan. Sepatutnya dirinya sendiri harus berusaha untuk memikirkan sama ada segala yang dilakukan itu membawa kepada kebaikan atau keburukan. Kemudian, seharusnya dia lebih berhati-hati dalam membuat keputusan.

Suatu ketika, semasa pemerintahan Khalifah Saidina Umar al-Khattab RA, seorang lelaki telah ditangkap atas kesalahan mencuri. Lalu, lelaki tersebut dibawa menghadap kepada khalifah tersebut dan dibicarkan. Saidina Umar al-Khattab **bertanya kepadanya mengapakah dia mencuri?** Alasan yang diberi adalah kerana Allah SWT telah mentakdirkan dia ditangkap atas kesalahan mencuri. Berang dengan alasan yang telah diberikan tersebut, Saidina Umar



al-Khattab RA memerintahkan supaya lelaki tersebut dipukul sebanyak 30 kali dan kemudian dipotong tangannya. Maka, terkejutlah lelaki itu dengan hukuman yang telah dikenakan ke atasnya, lalu dia bertanya kembali kepada Saidina Umar al-Khattab RA, **mengapa hukumannya begitu berat?** Maka, dijawab oleh Saidina Umar al-Khattab RA, sesungguhnya lelaki itu dipotong tangannya sebagai hukuman daripada Allah SWT kerana perbuatan mencurinya itu, manakala disebat sebanyak 30 kali kerana dia telah mempersenda dan mempermudah atas nama Allah SWT dengan menyalahkan Allah SWT kerana mentakdirkan dirinya sedemikian.

Berdasarkan kisah ini, kita dapat fahami bahawa suatu takdir yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, mampu ‘diubah’ dek kerana Allah SWT masih memberi peluang kepada kita untuk membuat pilihan yang terbaik. Lantaran itu, Allah SWT mengurniakan akal kepada kita supaya dapat memilih dan memikirkan sesuatu perkara yang boleh membawa kebaikan atau keburukan.

Bolehkah kita menolak atau mengubah takdir? ‘Ya’. Walaupun takdir telah ditetapkan oleh Allah SWT, namun Allah SWT masih lagi memberi peluang kepada kita untuk mengubahnya berdasarkan akal yang telah Dia kurniakan kepada kita dan juga doa serta usaha yang berterusan tanpa rasa putus asa. Seseorang yang lapar dapat dihilangkan takdirnya dengan makan, begitu juga seseorang yang dahaga boleh dihilangkan takdir dahaganya dengan minum dan sebagainya.

Ini menjadi salah satu bukti yang menunjukkan bahawa Allah SWT tidak pernah memaksa atau ‘menzalimi’ hamba-Nya untuk menerima takdir yang telah ditentukan oleh-Nya. Selagi ada sekelumit usaha, doa dan tawakal yang kita kerjakan, insya-Allah ada jalannya. Walau bagaimanapun, kita sebagai hamba masih terbatas dengan hukum dan undang-undang Allah SWT sebelum membuat sesuatu keputusan. Inilah yang dinamakan sebagai takdir ***mu’allaq*** iaitu takdir yang telah tertulis di luh mahfuz. Takdir ini sekiranya berlaku, boleh berubah dari semasa ke semasa. Perkara ini ditegaskan lagi berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah SWT menghapuskan apa jua yang dikehendaki-Nya dan Dia juga menetapkan apa jua yang dikehendaki-Nya. Dan (Ingalah) daripada sisi-Nya ada “ibu segala suratan.” (ar-Ra’d : 39).

Untuk lebih mudah kita faham, cuba kita bayangkan apabila kita berada di dewan peperiksaan. Waktu itu, semua calon peperiksaan akan membuat hal masing-masing dan fokus untuk menjawab kertas soalan yang diberi. Dalam masa yang sama, pemeriksa lalu berhampiran dengan salah seorang calon. Sewaktu pemeriksa tersebut menjenguk ke arah kertas soalan peperiksaan calon tersebut, didapati calon tersebut salah memberikan jawapannya. Apa terjadi kalau pemeriksa tersebut memberitahu jawapan yang

sebenar dan yang betul kepada calon tersebut? Semestinya pemeriksa tersebut dianggap sebagai seorang yang tidak adil kerana dia hanya memberikan jawapan yang betul kepada seorang sahaja calon, sedangkan ramai lagi calon peperiksaan yang lain berkemungkinan juga salah menjawabnya. Begitu juga dengan Allah SWT yang sememangnya Maha Adil dan Maha Bijaksana. Dia akan membiarkan hamba-Nya untuk membuat pilihan dan keputusannya sendiri walaupun ianya salah kerana manusia telah dikurniakan akal untuk dimanfaatkan sebaiknya. Pada akhirat nanti, barulah Allah SWT akan menghitung dan menilai segala keputusan yang telah diberikan oleh hamba-Nya berdasarkan pilihan masing-masing.




Satu lagi takdir dinamakan sebagai takdir ***mubram*** iaitu takdir yang pasti dan mutlak. Ianya tidak boleh diubah dan tidak mungkin akan berubah. Jika ianya berubah, maka ianya akan mencacatkan kesempurnaan yang telah dimiliki oleh Allah SWT. Maka, adalah mustahil daripada sisi Allah SWT memiliki sebarang kekurangan dan kecacatan. Sesiapa yang mengingkari takdir, menjadikan seseorang itu jatuh kafir berdasarkan ijma’ ulama’. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Keputusan-Ku itu tidak dapat diubah atau ditukar ganti dan Aku tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hamba-Ku.”* (Qaf : 29).

Tidak dinafikan, ada juga manusia yang sudah pun berhati-hati serta berusaha ke arah yang mampu menyelamatkan dirinya dan semestinya dia mahukan sebuah keputusan yang terbaik, namun nasib tetap tidak menyelbelahi dirinya atau dia tetap ditimpa musibah dan kemalangan. Boleh jadi, musibah atau kemalangan tersebut disebabkan kecuaian orang lain. Jika itulah yang berlaku, ianya layak untuk dikategorikan sebagai takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT kerana kasih sayang-Nya kepada kita dan pastinya terdapat hikmah di sebaliknya yang tidak kita ketahui.

Apabila kita yakin itu adalah ‘takdir kasih’ daripada-Nya dan redha dengan takdir tersebut, maka anggaplah segala yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT itu sebagai suatu teguran daripada-Nya. Anggaplah suatu perkara buruk yang menimpa ke atas diri sebagai suatu kafarah daripada Allah SWT untuk mengampunkan dosa dan kesalahan kita yang lalu bagi mengangkat martabat dan darjat kita. Mungkin kita tidak sedar ada melakukan khilaf dengan-Nya. Mungkin juga kita ada melakukan kesalahan terhadap sesama makhluk tanpa kita sedari. Hatta kita pernah menyakiti haiwan sekalipun, bahkan tumbuhan yang tidak bersalah juga akan dibalas oleh Allah SWT, sedangkan kita tidak sengaja dan tanpa kita sedari.

Kesimpulan, kita sebagai manusia tidak mengetahu secara jelas segala yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT kepada kita, maka kita bergantung



sepenuhnya kepada usaha, doa dan seterusnya bertawakallah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar tawakal tanpa adanya putus asa. Mohon petunjuk daripada-Nya supaya sebarang keputusan yang kita pilih mendapat rahmat dan keredhaan daripada-Nya. Ambillah iktibar dan pengajaran tentang kesilapan masa lalu dan kisah-kisah orang terdahulu supaya kita tidak mengulangi kesilapan sedemikian. Usahlah menyalahkan takdir kerana segala kejadian yang berlaku mengandungi seribu satu rahsia

Allah SWT yang tiada sesiapa pun yang mampu merungkainya. Sesungguhnya Allah SWT tidak pernah menzalimi hamba-hamba-Nya.

*Mohon petunjuk
daripada-Nya supaya
sebarang keputusan yang kita
pilih mendapat rahmat dan
keredhaan
daripada-Nya.*



MENUJU PUNCAK KETAKWAAN

Pertembungan antara iman dan nafsu adalah fitrah seorang manusia. Iman merujuk kepada kepercayaan dalam Islam. Iman yang berkurang menyebabkan berlakunya penguasaan nafsu terhadap diri. Islam membawa pendekatan yang mudah untuk meningkatkan iman dan mengelakkan diri daripada dikuasai nafsu yang buruk seperti nafsu ammarah. Pendekatan tersebut ialah amal. Sebagai seorang hamba Allah SWT amalan yang dituntut ialah melaksanakan rukun iman dan rukun Islam.

Pada bulan Ramadhan ini, tuntutan pengamalan rukun Islam iaitu berpuasa adalah suatu kaedah untuk meningkatkan iman. Walau bagaimanapun, tujuan puasa seperti yang disebut dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183 bukan hanya bertujuan mendapatkan iman, malah tujuan yang paling utama ialah mendapatkan takwa. Takwa yang disebut oleh Saidina Umar al-Khattab ialah seumpama seorang yang berjalan di jalan yang penuh dengan duri, orang tersebut akan sentiasa berwaspada daripada terpijak duri tersebut. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud : "Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa." (al-Baqarah : 183).

Alasan paling jelas daripada ayat tersebut yang mewajibkan umat Islam supaya berpuasa dan menjadi tujuan berpuasa adalah bertakwa. Dalam maksud yang lain, mereka yang bertakwa sudah tentu berpuasa, tetapi orang yang berpuasa belum tentu lagi mampu mencapai darjah takwa. Puasa ini bukan sahaja dilihat dalam konteks menahan diri daripada makan dan minum, malah puasa sebenarnya adalah jambatan menghubungkan pautan hati hamba dengan Penciptanya. Tautan hati ini adalah natijah besar daripada proses penyingkir sifat-sifat mazmumah, membuang penyakit hati dan sentiasa menundukkan pandangan serta nafsu daripada berkehendakkan untuk melakukan amalan kemungkaran. Untuk mendapatkan itu, Allah SWT memberikan hamba-Nya al-Qur'an sebagai panduan utama. Daripada dalil al-Qur'an sebelum ini iaitu surah al-Baqarah ayat 183, ia adalah antara dalil yang mewajibkan umat Islam berpuasa. Namun, bagaimakah amalan ke arah mendapat ketakwaan tersebut di sebalik perintah berpuasa itu. Terdapat empat amalan untuk mendapat takwa di bulan Ramadhan.

Pertama, amalan berpuasa; **Kedua**, amalan jihad; **Ketiga**, melakukan amalan tambahan di samping amalan wajib; dan **Keempat**, meninggalkan amalan perosak ibadah. Bagi yang pertama iaitu amalan berpuasa, untuk membolehkan kita berpuasa, wajib dihindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang membatalkan puasa. **Perkara yang membatalkan puasa ini dibahagikan kepada dua perkara.**

Pertama, perbuatan yang membatalkan puasa secara zahir; kedua, perbuatan yang membatalkan puasa secara batin. Secara zahir misalnya, makan dan minum pada siang hari, memasukkan sesuatu ke dalam rongga, muntah dengan sengaja, mengeluarkan mani dengan sengaja, haid, nifas (beranak), mabuk, pengsan sepanjang hari, mabuk sepanjang hari dan gila walau sekejap. Secara batin pula seperti murtad.

Takwa tidak cukup hanya sekadar meninggalkan perkara-perkara tersebut, malah untuk mendapat takwa kita perlukan amalan yang kedua iaitu amalan jihad. Islam mengajar kita satu pendekatan berguna sebagai benteng pertahanan daripada melakukan perkara-perkara tersebut. Jihad secara bahasanya disebut sebagai bersungguh-sungguh. Secara istilahnya, jihad adalah suatu bentuk praktikal ke atas teori yang dipelajari melalui jalan kesungguhan untuk mencapai sesuatu matlamat.

Menerusi amalan jihad, amalan ketiga dapat dilakukan untuk meraih takwa iaitu meningkatkan amalan tambahan di samping melakukan amalan wajib. Antara amalan tambahan yang paling utama pada bulan Ramadhan ini ialah membaca al-Qur'an, bertadarus al-Qur'an, solat tarawih dan qiamullail. Selain itu, amalan keempat untuk mendapat takwa ialah menghindarkan diri daripada melakukan amalan perosak ibadah. Antaranya ialah menyakitkan hati orang, dengki, takbur, riya', sompong dan **sum'ah**. Amalan ini jika dilakukan maka rugilah

amalan-amalan baik yang dilakukan sebelum ini kerana amalan ini boleh menghapuskan amalan baik tersebut.

Keempat-empat perkara ini tidak dapat dilakukan sekiranya tiada semangat jihad dalam diri. Semangat jihad ini dapat membentuk peribadi mulia. Namun, dalam dunia serba moden hari ini, jihad dikaitkan dengan aktiviti keganasan sehingga jihad dan perosak dunia dilihat sinonim. Begitu juga, apabila umat Islam cuba mempamerkan kesungguhan dalam ibadah, ia disebut-sebut sebagai seorang yang ekstrem dalam agama. Oleh yang demikian, umat Islam menjadi dilema untuk mengamalkan amalan jihad ini kerana untuk mengelakkan daripada dilabel dengan label yang negatif.

Menurut **Muhammad Sa'id al-Qahthani** dalam bukunya “*al-Wala' wa al-Bara'*,” terdapat empat perkara yang terjadi sekiranya umat Islam meninggalkan jihad.

- 1 Umat Islam akan mundur.
- 2 Umat Islam menjadi pengikut kepada umat lain setelah condong kepada kehidupan hedonisme.
- 3 Pola pemikiran umat Islam tidak selaras kerana terdapat sebahagian umat Islam yang mencampur-aduk sumber al-Qur'an dan hadith dengan falsafah jahiliyah dan kefahaman yang menyimpang.
- 4 Umat Islam menjadi patuh kepada orang kafir dan lebih merasa tenteram digandingkan dengan mereka untuk mencari maslahat dunia dengan melenyapkan agamanya.

Selain itu, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: **“Orang yang berjihad ialah mereka yang berjuang menentang kehendak dirinya (yang buruk).”** (Riwayat at-Tirmizi). Jelas di sini, jihad bukan hanya dalam perperangan, lebih-lebih lagi pada

bulan Ramadhan, jihad harus dilihat dalam skop yang lebih luas. Bulan Ramadhan ini sebenarnya bukan hanya bulan tarbiyah seperti yang disebut oleh kebanyakan orang. Namun, bulan ini lebih daripada itu boleh disebut sebagai bulan jihad kerana bulan inilah bulan untuk kita berjihad membendung hawa nafsu, jihad menambahkan kualiti ibadah, jihad meningkatkan ekonomi umat Islam, jihad menguatkan urusan muamalat umat Islam dan jihad dalam memastikan kualiti kerja harian umat Islam semakin meningkat. Jihad harus dilihat dalam ruang lingkup yang lebih komprehensif. Jihad seperti ini tidak terhad ketika bulan Ramadhan sahaja, tetapi boleh berterusan diamalkan pada bulan-bulan yang lain.

Rumusannya, apabila empat amalan yang disebut sebelum ini iaitu wajib berpuasa, jihad, melakukan amalan tambahan di samping amalan wajib dan meninggalkan amalan perosak ibadah boleh ditingkatkan, maka proses untuk mendapatkan takwa ini akan berjalan lancar kerana amalan ini bertepatan dengan kehendak syara'. Namun sekiranya tidak mampu untuk melakukan amalan tersebut sesempurna mungkin, untuk mengelakkan 30 hari pada bulan Ramadhan ini tidak sia-sia, niat dan pengamalan yang betul hanya semata-mata kerana mencari redha Allah SWT adalah perkara penting untuk diamalkan. Niat dan pengamalan yang betul ini menjadikan kerja buat kita seharian selari dengan tujuan sebenar puasa tersebut. Walaupun kita bekerja pada siang hari tanpa meninggalkan ibadah khusus, tetapi dengan kesibukan pekerjaan tersebut kita tidak sempat melakukan ibadah tambahan seperti membaca al-Qur'an. Sekurang-kurangnya berdasarkan niat dan pengamalan yang betul, ia mampu menjadikan kerja buat urusan keduniaan itu mendapat pahala berganda pada bulan Ramadhan serta mendapat ganjaran takwa daripada-Nya.

KERANA KARI, CAPATI BERASA, KERANA JARI, HATI TERASA

MOHAMAD FADZIL AWANG | Mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Pada abad ke 21 ini, fenomena media sosial semakin hangat dan rancak diperkatakan. Aplikasi media sosial seperti facebook, we chat, whatsapp, twitter, instagram dan banyak lagi kini dilihat sudah menjadi perkara wajib yang mesti dimiliki oleh setiap orang. Lazimnya, setiap individu pasti memiliki telefon pintar, yang sudah pasti memiliki sekurang-kurangnya satu aplikasi media sosial. Perkara ini menunjukkan bahawa pada abad ke 21 ini media sosial menjadi suatu fenomena yang harus diceburi oleh semua lapisan masyarakat.



Melihat dari sudut positif, media sosial sebenarnya banyak memberi manfaat kepada umat manusia. Menerusi media sosial kita dapat mengetahui info, berita, isu semasa dari segenap aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Di samping itu juga dapat mengeratkan silaturahim antara keluarga-keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, dari media sosial juga kita dapat bertemu kembali dengan keluarga atau rakan-rakan yang sekian lama terpisah. Secara mudahnya, media sosial digambarkan seperti dunia ini kecil dan sempit.

Tidak dapat kita nafikan lagi bahawa media sosial juga telah memberikan seribu manfaat kepada peradaban umat manusia. Melalui media sosial juga hubungan terjalin, kerjasama terbina, silaturahim terikat dan yang lebih utamanya ialah perpaduan dapat dikekalkan. Tetapi di sebalik seribu manfaat, media sosial juga boleh menjadi “*duri dalam daging*”. Jika media sosial digunakan untuk tujuan yang salah maka sudah pasti akan mendatangkan kemudharatan kepada peradaban manusia tanpa kita sedari.

Permasalahan yang berlaku kini, sikap segelintir pengguna media sosial yang menjadikannya sebagai tempat melepaskan emosi seperti meluahkan rasa marah, rasa tidak puas hati dan lebih parah lagi adakalanya segelintir pengguna menjadikan media sosial tempat membuka aib orang lain. Wajarkah media sosial dijadikan sebagai tempat untuk membuka aib orang lain? Islam

tidak mengajar umatnya membuka aib orang lain, tetapi Islam mengajar umatnya menutup aib orang lain.

Allah SWT berfirman yang bermaksud; **“Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu**



tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Pengasih.” (al-Hujurat : 12).

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesiapa yang menutup aib saudaranya Muslim, Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat dan sesiapa membuka aib saudaranya Muslim, maka Allah SWT

akan membuka aibnya hingga terbukalah keburukannya di dalam rumahnya.” (Riwayat Ibn Majah).

Sikap segelintir masyarakat kita yang menjadikan media sosial seperti facebook sebagai tempat meluahkan rasa tidak puas hati misalnya terhadap kepimpinan negara. Memang benar segala rasa tidak puas hati yang terbuku dalam hati kita terluah, akan tetapi kita telah lupa bahawa perbuatan tersebut sebenarnya telah menyebabkan hati orang lain terasa dan terluka. Sungguhpun kita tidak suka dengan kepimpinan negara, media sosial bukanlah tempat yang betul untuk meluahkan rasa tidak puas hati. Janganlah kita jadikan media sosial sebagai tempat luahan rasa tidak puas hati, sedar atau tidak budaya Melayu itu penuh dengan adab dan sopan santunnya.

Selain itu, budaya suka menyebarluaskan sesuatu berita atau dalam istilah popularnya iaitu suka “viral” berita yang belum pasti kebenarannya di media sosial semakin menjadi-jadi. Budaya sebegini dilihat seperti satu wabak virus yang sukar untuk dicegah. Tidak salah untuk kita menyebarluaskan sesuatu berita yang sudah terbukti kebenaran dan kesahihannya, tetapi salah jika kita menyebarluaskan sesuatu berita yang tidak kita ketahui kebenaran dan kesahihannya. Firman Allah SWT yang bermaksud: **“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali segala perbuatan yang telah kamu lakukan.”** (al-Hujurat : 6).

Walau bagaimanapun, tanpa kita sedari perbuatan jari kita yang suka “copy and paste” sesuatu berita yang tidak sahih dan tidak ada kebenarannya telah membawa kepada fitnah terhadap pihak terlibat. Sedar atau tidak kita telah melakukan dua kesalahan iaitu menyebarkan berita fitnah dan melukakan hati orang lain seterusnya membawa kepada perbuatan dosa.

Islam melarang umatnya menyebarkan berita yang tiada kesahihan apatah lagi berita yang membawa kepada fitnah. Firman Allah SWT yang bermaksud: “...(Ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan...” (al-Baqarah :217). Allah SWT turut berpesan menerusi Firman-Nya yang bermaksud: “ Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu dan memperkatakan dengan mulut kamu tentang sesuatu yang tidak kamu mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; kamu pula menyangkanya perkara kecil, padahal ia di sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya.” (an-Nur : 15).

Wahai sahabatku sekalian! Janganlah kerana jari kita yang kelihatan comel dan indah pada ciptaan-Nya ini menjadi “duri dalam daging”. Ketahuilah bahawa jari lebih tajam daripada mata pisau yang boleh mencederakan dan mematikan hati orang lain dan ketahuilah dari mata turun ke hati. Sebelum kita menulis sesuatu perkara seharusnya kita memikirkan tentang perasaan orang lain yang membaca status kita. Jangan kerana emosi kita

yang tidak terkawal, menyebabkan orang lain benci kepada kita dan berhati-hatilah dalam menulis sesuatu. Janganlah kita salahkan jari, tetapi salahkanlah hati kita yang menggerakkan jari.

Andai kata kita tidak suka atau tidak berpuas hati terhadap seseorang, janganlah kita jadikan media sosial sebagai tempat luahan rasa tidak puas hati kita. Hal ini kerana setiap masalah yang berlaku pasti ada jalan penyelesaiannya. Jika kita memilih jalan dengan cara meluahkan perasaan di media sosial misalnya tidak membawa kepada penyelesaian masalah tersebut sebaliknya menambahkan dan memperbesarkan lagi masalah yang dihadapi. Jalan terbaik menyelesaikan masalah ialah bermaaf-maafanlah sesama kita dan elakkanlah diri daripada bermusuh-musuhan. Firman Allah SWT yang bermaksud; “Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; janganlah sebahagian kamu menyatakan keibaan sebahagian yang lain; janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasiq, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasiq (kepada seseorang)

sesudah dia beriman dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiqnya) maka mereka lah orang yang zalim.” (al-Hujurat : 11)

Kesimpulan, benarlah kerana kari, capati berasa dan kerana jari, hati terasa. Sedar atau tidak jari lebih tajam daripada mata pisau. Ketahuilah! menerusi media sosial perpaduan boleh terbina, dan menerusi media sosial juga perpaduan boleh tergugat. Hargailah perpaduan yang sekian lama terbina dan janganlah kerana tidak puas hati segelintir kita semuanya musnah kerana kuasa jari. Ingatlah! Sebelum kita menyatakan atau menulis sesuatu dalam media sosial, fikir dahulu sebelum menulisnya. Sesungguhnya menjaga hati orang lain lebih berat daripada menjaga dunia.

“
Sebelum kita menulis sesuatu perkara seharusnya kita memikirkan tentang perasaan orang lain yang membaca status kita.

KEHEBATAN RAMADHAN

RUSYDIAH RUSLY | Pelajar Pelatih, Bahagian Penerbitan, JAKIM

Puasa bulan Ramadhan adalah salah satu rukun Islam. Setiap detik sepanjang bulan Ramadhan adalah sebaik-baik masa dan sebaik-baik hari di atas muka bumi ini. Allah SWT telah memberikan kelebihan yang banyak kepada bulan Ramadhan berbanding dengan bulan-bulan yang lain kerana Bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan.



Oleh itu, kedatangannya memang ditunggu kerana bulan ini menjanjikan peluang yang besar untuk seluruh umat Islam meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Firman Allah SWT yang bermaksud : *“Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”* (al-Baqarah: 183). Ayat ini menunjukkan bahawa antara hikmah puasa supaya seseorang hamba dapat menggapai darjat takwa. Hal ini kerana ketika berpuasa, seseorang akan melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi setiap larangan-Nya. Inilah pengertian takwa.

Bentuk takwa ketika berpuasa dapat kita lihat dalam pelbagai cara:-

- 1** Orang yang berpuasa akan meninggalkan setiap larangan Allah SWT. Contoh: Dia meninggalkan makan, minum dan sebagainya sedangkan hati amat rapuh dan ingin melakukannya. Ini semua dilakukan dalam rangka taqarrub atau mendekatkan diri kepada Allah SWT dan meraih pahala daripada-Nya. Inilah bentuk takwa.
- 2** Orang yang berpuasa sebenarnya mampu untuk melakukan keseronokan dan kemungkaran ketika di dunia. Namun dia mengetahui bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi diri-Nya. Situasi ini juga salah bentuk takwa iaitu berasa dirinya selalu diawasi oleh Allah SWT.
- 3** Ketika berpuasa, setiap orang akan bersemangat melakukan amalan-amalan ketaatan yang merupakan jalan untuk menggapai takwa. Hal ini juga, adalah sebahagian daripada bentuk takwa ketika berpuasa.

Bulan Ramadhan adalah sebahagian daripada perjalanan masa yang Allah SWT ciptakan untuk hamba-hamba-Nya. Mereka memanfaatkan ketika berpuasa untuk taat kepada-Nya dan menjauhi langkah-langkah syaitan yang terus-menerus untuk mengaburi dan menjerumuskan manusia ke dalam neraka. Firman Allah SWT yang bermaksud : *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh,*

mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.” (al-‘Ashr: 1-3).

Sebagaimana Allah SWT telah memuliakan sebahagian manusia lebih dari yang lainnya, Allah SWT juga telah memuliakan dan memberkati bulan Ramadhan jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Bulan ini merupakan bulan untuk hamba-hamba-Nya yang soleh saling berlumba-lumba untuk mendapatkan pahala di akhirat kelak. Bukan itu sahaja, umat Islam juga hendak mendapatkan kemenangan dan mencari-cari untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan sedekat-dekatnya. Mereka berpuasa pada siang hari, solat tarawih pada malam hari dan memperbanyak membaca al-Qur'an. Mereka melakukan pelbagai perkara untuk ketaatan dan menjauhi maksiat kerana mengharapkan pahala yang besar pada bulan Ramadhan.

Ketika Allah SWT mewajibkan kepada hamba-Nya untuk berpuasa Ramadhan, Rasulullah SAW juga memberikan motivasi kepada umatnya setelah puasa Ramadhan untuk mengerjakan puasa enam hari pada bulan Syawal supaya mendapat pahala yang berterusan iaitu seperti berpuasa sepanjang masa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : *“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian diikuti dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawal maka dia seperti berpuasa sepanjang masa.”* (Riwayat Muslim).



Keutamaan yang lain dari bulan ini, Allah SWT telah memberikan kemudahan bagi hamba-Nya untuk memperoleh jalan-jalan yang dapat mengangkat darjat seseorang dan menghapuskan dosa-dosanya. Bulan Ramadhan adalah bulan diturunkannya al-Qur'an, dibukakannya pintu syurga dan ditutupnya pintu neraka. Oleh itu, Allah SWT telah memberi kesempatan kepada hamba-Nya untuk masuk syurga dengan ibadah dan amalan soleh yang mereka lakukan pada bulan Ramadhan. Syaitan juga tidak diberikan kesempatan untuk menggoda dan menyesatkan manusia. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Apabila masuk bulan Ramadhan maka pintu-pintu syurga dibuka, pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan dibelenggu."* (Riwayat Bukhari dan Muslim). Maka pada bulan ini kita digalakkan untuk memperbanyak ibadah sunat dan amalan soleh supaya kita dapat masuk ke syurga.

Suatu sikap yang baik bagi seseorang Muslim adalah memuliakan sesuatu yang dimuliakan oleh Allah SWT, termasuk memuliakan bulan Ramadhan. Sikap memuliakannya adalah berusaha melakukan pelbagai bentuk ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi semua perbuatan maksiat. Hal ini menunjukkan bahawa puasa merupakan salah satu cara untuk menuju ketakwaan kepada Allah SWT. Takwa adalah suatu kalimah yang merangkumi segala kebaikan. Hal ini kerana dengan berpuasa, seseorang hamba dapat menjauhi perkara-perkara yang mungkar. Contoh: Maksiat dan keburukan, menjauhi darinya dan bertaubat daripada dosa yang lalu.

Pada bulan Ramadhan, setiap Muslim perlu menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Bagi mereka menyedari bahawa maksiat akan merosakkan puasa bahkan menyebabkan hilangnya semua pahala puasa. Sehingga dia akan letih dan penat tanpa mendapat sebarang faedah. Oleh yang demikian, seseorang yang berpuasa akan berusaha menjauhi maksiat.

Ramadhan memiliki kelebihan yang agung, sudah semestinya ketaatan yang dilakukan pada bulan tersebut memiliki keutamaan yang agung dan berlipat gandanya pahala. Maka, seseorang Muslim hendaklah mengambil kesempatan pada bulan

yang penuh keberkatan ini dengan melakukan ketaatan dan amal soleh serta berhenti daripada melakukan keburukan. Semoga Allah SWT memberikan kepadanya taufik dan hidayah supaya istiqamah berpaksikan jalan kebenaran.

Firman Allah SWT yang bermaksud : *"Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (daripada kebaikan) yang sama dengannya, sesiapa membawa amal kejahatan, maka dia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya, sedangkan mereka tidak dianiaya (sedikit pun)".* (al-An'am:160).

Oleh yang demikian, umat Islam menyedari bahawa maksiat akan merosakkan puasa. Bahkan, dapat menyebabkan hilangnya pahala puasa. Oleh itu, seseorang yang sedang berpuasa akan berusaha untuk menjauhi maksiat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi hadith yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah SWT mencatat pelbagai keburukan dan kebaikan. Lalu Dia menjelaskannya. Sesiapa yang bertekad untuk melakukan kebaikan tidak dapat dilaksanakan, maka Allah SWT mencatat baginya satu kebaikan yang sempurna. Jika dia bertekad melaksanakan dengan melakukannya, maka Allah SWT mencatat baginya 10 kebaikan hingga 700 kali lipatnya sampai lipatan yang banyak."* (Riwayat Ahmad, Bukhari dan Muslim).

Semoga Puasa Ramadhan dapat mendorong kita supaya lebih bersemangat untuk mencapai ketakwaan dengan cara menghiasi hari-hari pada bulan yang penuh berkat ini dengan amalan-amalan soleh.

“ Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Apabila masuk bulan Ramadhan maka pintu-pintu syurga dibuka, pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan dibelenggu."* (Riwayat Bukhari dan Muslim).



SARAWAK

Bumi Kenyalang

BAHAGIAN PENERBITAN, JAKIM

Negeri Sarawak merupakan negeri yang terbesar sekali di Malaysia, iaitu meliputi 124,000 kilometer persegi dan menghadap ke Laut China Selatan sepanjang 800 kilometer. Bentuk muka buminya berbukit-bukau dan banyak sungai yang menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan semula jadi kepada penduduk Sarawak. Walaupun penduduk Sarawak terdiri daripada berbilang suku dan budaya namun syiar Islam tersebar dengan meluas dan berkembang di Bumi Kenyalang ini.

Kedatangan Islam di Sarawak berkait rapat dengan sejarah awal Islam ke Brunei kerana pada suatu ketika dahulu Sarawak merupakan sebuah negeri yang terletak di bawah kekuasaan Brunei sejak kurun ketiga belas lagi. Pemerintahan Brunei memainkan peranan utama kepada penyebaran agama Islam di sekitar Kepulauan Borneo khususnya di negeri Sarawak. Di Sarawak terdapat beberapa lokasi pelabuhan penting seperti Kuching, Saribas dan Kalaka yang menjadi tumpuan saudagar-saudagar Islam menjalankan aktiviti perniagaan mereka di samping menyebarkan syiar Islam.

Salah satu bukti perkembangan syiar Islam di Sarawak ialah pembinaan masjid-masjid. Masjid yang tertua di Sarawak sebelum tahun 1840-an terletak berhampiran Pengkalan Batu sekarang. Menurut sejarah sebelum zaman Brooke, khutbah Jumaat yang disampaikan di masjid di Kalaka adalah dalam bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa bahasa Arab telah tersebar di daerah ini melalui bacaan khutbah dan masjid dianggap sebagai institusi penting penyebaran maklumat tentang Islam hingga kini. Pembinaan masjid di Sarawak sehingga kini mencapai bilangan sebanyak 315 buah masjid.



Masjid Bahagian Negeri Sarawak

Masjid Besar Kuching asalnya didirikan pada tahun 1839 Masihi di tebing sungai Sarawak. Atapnya diperbuat daripada kayu berlian, manakala dindingnya daripada papan. Namun pada tahun 1852 Masihi, masjid tersebut telah dibina semula di tapak baru yang berhampiran dengan tapak asal.

Pada tahun 1932 Masihi bumbung masjid ini diperbaik dan ditambah kubah. Selepas 115 tahun dan setelah dua kali mengalami perubahan, masjid ini diroboh dan dibina semula di atas tapak yang sama pada tahun 1967 Masihi. Ia telah dirasmikan pada 20 September 1967 Masihi. Masjid ini pernah menjadi masjid negeri sebelum pembinaan masjid negeri yang baru terletak di Jalan Sembulan.

Konsep Reka Bentuk

Masjid ini berkonsepkan reka bentuk seni bina Moghul. Ia menampilkan sebuah kubah utama berbentuk bawang berwarna emas dan empat lagi kubah pengiring di penjuru bumbung warna yang sama. Masjid ini dilengkapi dengan beberapa menara berkubah kecil. Tingkap-tingkap yang dibina di sekeliling masjid mempunyai gerbang berbumbung satu. Walaupun terdapat masjid baru di Bandar Kuching, masjid ini mempunyai nilai sejarah yang tersendiri kepada penduduk dan perkembangan Islam di Sarawak.

Oleh itu, ia dikekalkan dan sentiasa dipelihara bagi memenuhi keperluan aktiviti ibadah masyarakat Islam di Kuching. Berlatarkan Sungai Rejang dan bukit-bukit, lokasi masjid ini menjanjikan pemandangan yang indah dan menarik, tambahan pula kedudukannya berdekatan dengan pelbagai kemudahan awam.



Masjid Jamek Negeri Sarawak

Masjid yang terletak di Petra Jaya, Kuching ini telah dibina pada tahun 1987 Masihi. Pembinaannya siap pada tahun 1990 Masihi. Masjid ini didirikan di atas sebidang tanah berkeluasan kira-kira 100 ekar. Kini masjid ini mercu tanda dan kebanggaan kepada penduduk Negeri Sarawak. Ia dikategorikan sebagai masjid gred khas dan boleh menampung 10,000 orang jemaah pada satu-satu masa.




Konsep Reka Bentuk

Masjid ini berkonsepkan reka bentuk di Istanbul. Bumbungnya berbentuk empat persegi bujur. Ia dilengkapi dengan sebuah kubah utama dan empat puluh buah kubah kecil. Kubah utamanya dihiasi dengan mozek dan jubin manakala di sebelah dalamnya pula diletakkan kerawang bermotifkan geometri. Tiang-tiang yang menyokong kubah-kubah kecil kelihatan seperti kedudukan tangan sewaktu berdoa.

Cermin kaca berwarna-warni merupakan hiasan menarik yang mampu menyerlahkan keindahan masjid ini. Keseluruhan lantai masjid ini menggunakan kemasan daripada marmar yang dapat menyegarkan suasana ketika berada di dalam.

Sebuah menara didirikan berasingan daripada masjid ini sebagai mercu tanda. Bagi memenuhi keperluan jemaah menjalankan aktivit, masjid ini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti dewan persidangan, perpustakaan dan ruang pejabat untuk kakitangan masjid.

ZIARAH MASJID DI MALAYSIA



Masjid Al-Muttaqin, Samarahan

Masjid yang diberi nama Al-Muttaqin ini dibina di atas tanah seluas enam ekar di daerah Samarahan, iaitu sebuah daerah yang dibangunkan sebagai tempat pendidikan pengajian tinggi. Pembinaannya telah dimulakan pada bulan Ogos 1999 Masihi. ia dirasmikan oleh YAB Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak pada 5 Jamadilakhir 1422 Hijri bersamaan 24 haribulan Ogos 2001 Masihi.

Konsep Reka Bentuk

Masjid ini menampilkan reka bentuk berkonsep tempatan. Salah satu ciri utama masjid ini ialah 'teflon' tensile membrane yang menunjukkan penggunaan bahan moden dan teknologi binaan berkonsepkonsep 'futuristik' yang pertama seumpamanya di wilayah Kota Samarahan. Bumbung masjid ini berasaskan kerangka yang bercantum antara satu dengan lain berbentuk pentagon. Ia merupakan titik fokus kepada pelan utama masjid. Di kemuncak bumbung dibina sebuah kubah utama yang keseluruhan kandungannya apabila dilihat dari luar mempamerkan imej yang sederhana tetapi menarik. Keseluruhan masjid ini menggunakan besi dan kaca telus. Seni bercirikan Islam terserlah pada binan masjid ini seperti tingkap dan kemasan pintu, gerbang-gerbang dan corak lantai di samping hiasan kaca dan logam. Ruang utama masjid ini dapat memuatkan seramai 1,500 hingga 1,600 orang jemaah. Masjid ini menyediakan mini perpustakaan, pejabat pentadbiran dan kelas pengajian Islam kepada para jemaah.

Masjid Wan Alwi

Masjid ini terletak di Jalan Lorong Bayor, Bukit Tabuan Jaya, Kuching, iaitu di kawasan seluas empat ekar berdekatan jalan besar. Tapak masjid ini adalah tanah wakaf daripada keluarga-keluarga yang membina Tabuan Jaya. Kawasan persekitarannya dikelilingi pepohon menghijau dan berhampiran dengan Sungai Tabuan. Masjid ini telah dirasmikan pada 14 Muhamarram 1428 Hijri bersamaan 2 Februari 2007 Masihi oleh YAB Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Konsep Reka Bentuk


Reka bentuk masjid ini mengekalkan konsep tempatan tetapi moden, iaitu menampilkan reka bentuk bumbung berbentuk piramid seperti kebanyakan rumah Melayu. Sambungan serambi membawa konsep kemasan yang mempunyai nilai estetika dan kontemporari. Dewan solat utama dan dewan wanita berada setinggi 1.5 meter dari paras tanah. Ini membolehkan pengaliran udara secara semula jadi memasuki ruang di antara lantai yang diperbuat daripada papan. Keluasan bahagian solat masjid ini sederhana besar dan kira-kira 1,000 jemaah boleh memenuhi dari utara hingga selatan ruang solat apabila pintu di sebelah tepinya dibuka. Di ruang ini juga dibina dua buah bilik untuk menempatkan imam. Mihrab yang bersebelahan dengan mimbar diperbuat daripada blok kayu dan besi yang membawa konsep bangunan lut sinar. Ruang sembahyang di bahagian selatan dan utaranya berkonsep terbuka dan mesra alam. Persekutaran masjid ini dikekalkan mengikut suasana semula jadi dan ditambah dengan taman yang mempunyai elemen air dan batuan. Pepohon hijau dan buanga-bungaan yang ditokok tambah padanya menampilkan seri halaman masjid ini.



Masjid Asy-Syakirin didirikan di Kampung Asy-Syakirin yang terletak kira-kira seluas tiga kilometer dari pusat bandar Bintulu. Ia telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak YAB Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud pada tahun 1987 Masihi. Masjid ini merupakan Masjid Bahagian yang pertama di Bintulu.

Konsep Reka Bentuk

Masjid ini menampilkan reka bentuk yang unik dan ia dikategorikan sebagai masjid yang pertama direka bentuk dengan konsep terbuka dan bebas. Pada dasarnya masjid ini mempunyai reka bentuk yang banyak didominasi oleh kubah dan gerbang-gerbang. Bumbung masjid yang dibina mendatar dihiasi oleh sebuah kubah berbentuk payung sedang mengembang. Konsep ini diadaptasi daripada reka bentuk bumbung Masjid Negara. Namun begitu ia tidaklah terlalu tirus dan runcing. Warna biru laut menjadi tarikan pengunjung kerana dapat menyegarkan pandangan terutama bersesuaian dengan persekitaran masjid yang berlatarkan hutan kecil. Tangga naik ke dalam masjid ini dihiasi dengan air terjun buatan sebagai landskap menambahkan kesegaran suasana di sekitar masjid.




Masjid Asy-Syakirin

Kemudahan dan Aktiviti

Masjid ini turut dilengkapi dengan kemudahan seperti ruang pejabat untuk kakitangan masjid, tempat berwuduk yang selesa dan taman untuk beriadah. Antara program yang dijalankan di masjid ini ialah kursus pengajian Islam, kursus motivasi pelajar Islam dan lain-lain lagi.

Masjid Al-Muttaqin, Sarikei



Konsep Reka Bentuk

Bentuk Masjid Al-Muttaqin telah direka indah mengikut seni bina masjid Timur Tengah. Ia mempunyai pembukaan bumbung yang luas mendatar dan dihiasi dengan sebuah kubah berbentuk bawang berwarna emas. Terdapat empat penjuru di bumbung yang dibina gerbang-gerbang berbentuk geometri. Rekaannya kelihatan tinggi dan nampak ringkas serta penuh kesederhanaan sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

Masjid Al-Muttaqin, Sarikei

Kedudukan masjid ini agak strategik kerana ia terletak di tengah-tengah Bandar Sarikei. Sebelum diberi nama Al-Muttaqin masjid ini pernah dikenali dengan nama Masjid Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub. Masjid ini telah dibina di atas sebidang tanah seluas 3.4 ekar dan menelan belanja RM3 juta bagi menggantikan Masjid Lama Sarikei yang didirikan pada tahun 1934 Masihi yang telah uzur terletak di Jalan Masjid Lama. Pembinaan Masjid Al-Muttaqin ini bermula pada 9 Julai 1981 Masihi dan ia telah dirasmikan oleh YAB Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud pada 9 Zulkaedah 1403 Hijri bersamaan 18 Ogos 1983 Masihi.

Lokasi dan Kemudahan

Masjid ini berada di lokasi yang berhalaman luas dan dihiasi dengan taman. Masyarakat Islam di sekitar menganggap masjid ini menjadi lambang semangat perpaduan dan toleransi mereka khususnya dan umat Islam serantau secara amnya. Masjid ini dilengkapi dengan kemudahan seperti dewan solat yang luas dan selesa. Mampu menampung kira-kira 2,500 orang jemaah pada satu-satu masa. Kemudahan lain yang terdapat di masjid ini ialah bilik tandas dan tempat berwuduk, ruang pejabat, bilik kuliah, bilik imam dan tempat letak kenderaan yang luas.

AIR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

DR ZULFAQAR MAMAT | Ketua Penolong Pengarah | Unit Indeks Syariah Malaysia, JAKIM

Air merupakan anugerah Allah SWT yang amat berharga dalam kehidupan manusia, tanpanya semua hidupan akan mati. Ia merupakan anugerah Allah SWT yang amat bernilai kepada seluruh hidupan di muka bumi ini. Tanpa air, kita mungkin tidak dapat menikmati dan meneruskan penghidupan ini dengan selamat, selesa dan sempurna. Air secara definisinya merujuk kepada zat cair yang tidak mempunyai rasa, warna dan bau, yang terdiri daripada hidrogen dan oksigen dengan rumus kimiawi H^2O . Dalam istilah para fuqaha' ia ditakrifkan sebagai jisim seni (halus) yang mengalir dan memberi kehidupan kepada setiap benda yang hidup.

AIR DALAM AL-QUR'AN

Kepentingan air dalam Islam sememangnya jelas. Ianya terserlah dan terbukti dengan ulangan sebanyak 63 kali dalam keseluruhan al-Qur'an. Jumlah perkataan dalam al-Qur'an ialah dengan rumus kimiawi sebanyak 6,236 patah perkataan jika dibahagikan dengan 63 patah ianya mencecah 1% daripada keseluruhan ayat al-Qur'an. Ini membuktikan 1% daripada isi kandungan al-Qur'an adalah membicarakan mengenai air. Manakala perkataan yang merujuk kepada sungai muncul sebanyak 52 kali dan ayat berkaitan dengan mata air, hujan dan awan tidak kurang daripada lima kali bagi setiap satu. Kepentingan air dalam kehidupan manusia ini telah disebut secara jelas dalam al-Qur'an menerusi

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Tidakkah orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara kedua-duanya? Kami jadikan daripada air, setiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mau beriman?"* (al-Anbiya': 30).

Dr. Wahbah az-Zuhaily ketika mengulas tentang maksud "... Kami jadikan daripada air, setiap benda yang hidup..." itu menyatakan ia menunjukkan bukti kewujudan Allah SWT yang mempunyai kekuasaan dan kemampuan untuk mengadakan setiap sesuatu. Dia boleh menjadikan daripada air semua haiwan. Setiap haiwan asalnya dari *nutfa* (embrio) yang terhasil dari air, begitu juga tumbuh-tumbuhan tidak akan

membesar kecuali dengan air. Al-Qur'an menerusi ayat yang lain turut membahagikan air kepada tiga jenis sumber iaitu air atmosfera, air permukaan dan air bawah tanah. Air dalam atmosfera ini diterangkan dalam surah al-Furqan, ayat 48, air permukaan pula dijelaskan menerusi ayat al-Qur'an, surah ar-Ra'd, ayat 17 dan air bawah tanah pula disebutkan dalam surah al-Mu'minun, ayat 18. Manakala menerusi beberapa ayat yang lain Allah SWT juga menerangkan tentang air dari segi kegunaan dan kepentingannya dalam kehidupan manusia. Allah SWT juga turut menyatakan dalam al-Qur'an bahawa kerosakan dan kemusnahan yang berlaku di muka bumi juga akibat kerakusan tangan-tangan manusia sendiri.

AIR DALAM HADITH NABI SAW

Penelitian yang dilakukan terhadap salah sebuah kitab hadith yang masyhur iaitu *Kitab Sunan an-Nasa'ie, Jilid 1* terdapat satu bab khusus yang kesemuanya menceritakan mengenai air. Terdapat 23 hadith kesemuanya, di mana kesemua hadith tersebut yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasa'ie merupakan hadith-hadith yang berkaitan tentang kegunaan air yang pernah berlaku atau ditanya kepada Nabi SAW. Antaranya Rasulullah SAW telah menyatakan sifat air yang sememangnya bersih selama mana tidak berubah sifat asalnya. Nabi SAW ketika ditanya tentang telaga *Buda'ah* yang dibuang didalamnya benda-benda yang kotor? Maka Nabi SAW telah menjawab: *"Air itu bersih dan tidak boleh menjajikannya sesuatu pun."*

Menerusi hadith yang lain, Nabi SAW menerangkan tentang kadar sesuatu air itu boleh dianggap *thahur* (suci dan menyucikan yang lain) seperti mana sabdanya yang bermaksud: *"Apabila air itu melebihi dua kolah, maka ia tidak akan membawa kotoran."* Dalam bab air tersebut Nabi SAW juga menerangkan kadar yang sepatutnya untuk mengambil wuduk dan mandi wajib. Saidatina Aishah RA berkata : *"Adalah Nabi SAW berwuduk dengan satu mud dan mandi dengan satu sha"*

KEGUNAAN AIR DALAM ISLAM

Air begitu banyak kegunaan dalam Islam. Islam adalah agama yang mementingkan kebersihan. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Apabila salah seorang di antara engkau bangun tidur, janganlah mencelupkan tangannya ke dalam bejana air sebelum membasuhnya tiga kali, kerana dia tidak tahu di manakah tangannya menginap"* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Begitu juga dengan hadith lain, apabila sebahagian sahabat Rasulullah SAW berbincang dengan persoalan mandi di kawasan mereka yang sedang dalam musim sejuk. Rombongan daripada Tsaqif telah bertanya kepada Rasulullah SAW: *"Sesungguhnya daerah kami adalah daerah dingin, bagaimana cara kami mandi?* Baginda bersabda: *"Adapun aku, aku menuangkan air di kepala ku sebanyak tiga kali."* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Lebih penting lagi, air amat diperlukan dalam urusan ibadah. Umat Islam memerlukan air untuk menyucikan tubuh selepas berhadas besar. Begitu juga air diperlukan untuk mengambil wuduk apabila ingin mendirikan solat. Walaupun diberikan kelonggaran sekiranya tidak terdapat air, seperti dibenarkan bertayammum dengan menggunakan tanah dan sebagainya. Demikian juga dalam pengurusan jenazah, air diperlukan untuk memandikan jenazah tersebut. Selain kegunaan beribadah, kepentingan air dalam keperluan kehidupan sehari-hari sesuai dengan fitrah manusia yang tidak dinafikan dalam Islam. Air digunakan sebagai minuman, mencuci, mandi dan keperluan-keperluan lain seperti membersihkan halaman, persekitaran dan menyuburkan tanaman-tanaman. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, air amat diperlukan di sektor-sektor pertanian, perikanan, perkilangan dan industri-industri lain. Air juga dapat dijadikan sumber ekonomi seperti menjadikannya sebagai minuman yang dibotolkan atau ditinkan, tambahan kepada jus buah-buahan, pencair, pewarna atau sebagai bahan untuk dibuat kajian saintifik. Malah air juga berguna bagi bahan-bahan konkrit untuk membina rumah dan



bangunan. Dalam hal ini Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: *"Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit, lalu mengeluarkan buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dengan air hujan itu; dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat daripadanya)."* (Ibrahim : 32).

PENGURUSAN SUMBER AIR DALAM ISLAM

Al-Qur'an dan hadith, seperti mana dinyatakan di atas tadi, merupakan sandaran utama dalam menghasilkan satu perundangan yang boleh dijadikan sebagai panduan atau nilai dalam kehidupan. Tujuan atau matlamat syarak (*maqasid al-syariah*) daripada panduan atau nilai-nilai ini ialah untuk melihat maslahah (kebaikan) manusia secara keseluruhannya terjamin tidak kira masa, tempat maupun untuk golongan tertentu sahaja. Malah ianya juga digunakan untuk menjaga hak-hak generasi yang akan datang terutamanya dalam mendapat hak penggunaan air. Manakala pendapat dan pandangan para ulama' yang dinyatakan pula merupakan garis panduan kepada masyarakat Islam untuk dijadikan sebagai asas dalam mengurus air menurut yang sepatutnya dan dibenarkan oleh syarak.

Dalam soal pengurusan sumber air ini, Islam tidaklah secara langsung memperincikan bagaimana pengurusan air ini perlu dilakukan. Sebaliknya agama Islam melalui wahyu Allah SWT dan hadith Nabi SAW yang kemudian ditafsir dan difahami oleh para ulama' Islam telah memberi beberapa nilai atau prinsip yang bersabit dengan pengurusan air ini menurut yang sepatutnya dihayati oleh seorang penganut Islam. Sebenarnya prinsip atau nilai tersebut lebih umum daripada itu, ia terpakai dan boleh diaplikasikan kepada pengurusan alam sekitar secara keseluruhannya. Antara prinsip atau nilai yang dinyatakan Islam mengenai pengurusan air atau alam sekitar secara amnya ialah;

» Air adalah hak milik umum yang dikongsi bersama


Al-Qur'an menerusi ayat-ayat di atas secara jelas menyebut kepentingan air sebagai sumber kehidupan. Nabi Muhammad SAW pula dalam hadithnya mengakui bahawa air adalah keperluan asasi bagi manusia dan mengelompokkannya dalam barang-barang yang menjadi milik awam dan tidak dimiliki oleh orang perseorangan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya air bagi kehidupan manusia. Oleh karena itu, Islam sepakat bahawa hak terhadap air merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: "*Tiga perkara yang tidak boleh ditegah daripada manusia, iaitu air, rumput dan api.*" (*Riwayat Ibn Majah*).

Ini secara jelas menunjukkan bahawa beberapa sumber alam merupakan tanggungjawab orang ramai menjaganya seperti air, rumput (yang menjadi bahan makanan bagi haiwan seperti lembu, kambing dan sebagainya) dan api. Sumber-sumber ini tidak dibenarkan bagi seseorang individu memiliki, ia secara umumnya adalah milik awam. Harta milik awam dalam Islam boleh dikategori kepada tiga iaitu:

- ∞ Keperluan awam (*public utilities*), iaitu masyarakat adalah bergantung kepadanya dalam kehidupan.
- ∞ Aset atau sumber alam yang sifat (semula jadi) kejadiannya tidak membolehkan ia dimiliki oleh individu secara perseorangan (contohnya sungai, tasik, laut, terusan, jalan raya, tempat letak kereta awam, masjid, musolla, Mina, Arafah, Muzdalifah dan seumpamanya).
- ∞ Bahan galian atau mineral yang banyak atau berlebih-lebihan yang tidak putus (contohnya petroleum, gas, emas, bijih timah dan yang seumpamanya).

Pihak kerajaan atau pemerintah dalam hal ini tidak memiliki air tetapi bertindak sebagai pentadbir kepada milik awam tersebut. Ia hendaklah mentadbir dan mengurus air itu dengan penuh integriti supaya keperluan masyarakat awam tidak terjejas. Bekalan air dapat disalur secara lancar kepada semua anggota masyarakat tanpa terkecuali sehingga kepada haiwan sekalipun. Firman Allah SWT yang bermaksud: **Nabi Salih AS menjawab: "Ini ialah seekor unta betina, (antara cara hidupnya ialah) air kamu hendaklah menjadi bahagian minumnya sehari dan bahagian kamu sehari, menurut giliran yang tertentu."** (*as-Syu'ara': 155*).

Hal ini, tidak bermakna pihak pemerintah tidak boleh mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan yang telah diberikan. Islam membenarkan bayaran dikenakan jika untuk memperolehi air tersebut melibatkan kos-kos tertentu seperti pengumpulan di empangan-empangan atau loji-loji, rawatan, penyimpanan, pengedaran dan pengebilan. Namun kadar yang ditetapkan biarlah berpatutan dan boleh dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kedudukannya.



» Pencemaran terhadap alam (termasuk sumber air) adalah diharamkan dalam Islam

Islam mengharamkan pencemaran terhadap alam. Ia menganggap mereka yang berbuat sedemikian sebagai perosak sumber-sumber alam yang dijadikan oleh Allah SWT untuk dimanfaatkan kepada manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Kemudian apabila dia pergi (dengan mendapat hajatnya), berusahalah dia bumi untuk melakukan bencana padanya, dan membinasakan tanam-tanaman dan keturunan (binatang ternak dan manusia), sedangkan Allah tidak suka kepada bencana kerosakan."* (al-Baqarah : 205)

Manakala menerusi ayat yang lain, Allah SWT memberi peringatan kepada manusia bahawa segala kerosakan di darat dan laut adalah dengan sebab manusia itu sendiri. Firman-Nya yang bermaksud: *"Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang sedemikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang telah mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."* (ar-Rum : 41).


Selain itu, banyak hadith-hadith Nabi SAW yang menyeru kita supaya menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Antaranya ialah hadith yang ada kaitan langsung dengan kebersihan air menerusi sabda Nabi SAW yang bermaksud: *"Janganlah kamu membuang air dalam air tenang yang tidak bergerak, kemudian dia mandi padanya."* (Riwayat Bukhari). Hadith ini mengingatkan bahawa menjaga kebersihan termasuk kebersihan sumber air menjadi tuntutan dalam Islam. Oleh sebab itu, umat Islam hendaklah memastikan bahawa sumber air yang digunakan bersih daripada bahan-bahan yang tercemar.

Menjaga kelestarian alam sekitar dan menghindari pencemaran adalah termasuk dalam salah satu kaedah fiqh yang bermaksud: *"menolak kemudaratannya lebih didahului berbanding membawa kebaikan."* Oleh sebab itu, pengusaha yang ingin membuka kilang yang tentunya memberi manfaat kepada dirinya dan orang lain, tetapi dalam masa yang sama ia memudaratkan persekitaran dengan pencemaran, bau dan sebagainya maka ia hendaklah dicegah dari beroperasi menurut undang-undang dan juga hukum agama.

» Pembaziran sumber-sumber alam adalah termasuk dalam sifat keji

Islam sebagai sebuah agama yang lengkap, telah menggariskan sifat membazir serta berlebih-lebihan merupakan sifat terkeji yang dianggap menyamai sifat yang dimiliki oleh syaitan. Sepertimana yang dijelaskan menerusi Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang amat kufur kepada Tuhanmu."* (al-Isra' : 27).

Berkaitan soal air ini, Islam, melarang umatnya menggunakan air secara berlebihan walaupun untuk bersuci dan berwuduk. Ini dinyatakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadith iaitu Nabi SAW telah lalu berhampiran Saad yang sedang berwuduk, lantas menegurnya: *"Apakah pemborosan ini wahai Saad?"* maka Saad bertanya: *"Adakah untuk mengambil wuduk pun dianggap boros?"* Maka Nabi SAW menjawab: *"Ya, sekalipun kamu berada di pinggir sungai yang mengalir."* (Riwayat Ahmad dan Ibn Majah).



Dalam mencari pendekatan untuk membangunkan sumber air, maka aspek pembaziran juga harus dilihat sebagai salah satu punca utama yang menyebabkan kekurangan air. Pembaziran yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW boleh dilihat dari dua sudut utama:-

» Sikap membiarkan sumber air tanpa diambil manfaat sepenuhnya. Iaitu membiarkan segala sumber air baik dari langit, laut, sungai dan bawah tanah tanpa digunakan sebaik mungkin, juga dianggap sebagai membazir. Pembaziran dalam bentuk ini masih belum disedari ramai, maka sebab itulah usaha-usaha untuk mengatasinya masih belum ada yang benar-benar serius dilakukan.

» Sikap boros dan melebihi had dalam penggunaan air. Penggunaan air secara berlebihan adalah satu pembaziran walaupun ketika itu kita bermewah dengan air. Menurut hukum Islam, orang yang berwuduk dilarang daripada menggunakan air secara berlebih-lebihan, kerana hukumnya makruh. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak suka melihat umatnya melakukan pembaziran, sekalipun digunakan untuk beribadah.

» Individu atau syarikat yang melakukan pencemaran boleh dikenakan tindakan

Islam dalam soal penjagaan alam sekitar tidak sekadar mengemukakan nilai atau prinsip sahaja. Bahkan ia telah dipraktikkan dalam pentadbiran kerajaan Islam terdahulu. Institusi hisbah yang fungsinya antara lain dilantik dan diberi kuasa untuk mengawasi hak-hak manusia telah mengambil tindakan dalam mencegah dan mengawal pencemaran yang berlaku. Sebagai contohnya *muhtasib* (penguatkuasa hisbah) boleh memerintahkan kilang roti supaya meninggikan tempat bakaran mereka dan membuat lubang untuk sistem pengudaraan di bahagian atas kilang bagi mengurangkan pencemaran udara. *Muhtasib* juga diberi tanggungjawab menangani permasalahan yang berkaitan dengan kepentingan awam, sebagai contohnya kerosakan benteng di sempadan, masalah bekalan air dan juga golongan gelandangan.


Kesimpulannya, air dan kepentingannya dalam kehidupan ternyata mendapat pengiktirafan dalam ajaran Islam. Ajaran Islam telah memberikan penghargaan yang tinggi terhadap air iaitu ia digunakan dalam pelbagai urusan ibadah mahupun muamalat sehari-hari para penganutnya. Islam juga memberi panduan terhadap sikap dan tindakan yang seharusnya dilakukan oleh manusia sebagai khalifah Allah SWT terhadap air, bagaimana memanfaatkannya dan memelihara sumber alam tersebut daripada sebarang unsur yang merosakkan.



MENGENALI NABI IBRAHIM AS

BAHARUDDIN BIN MALEK | Penolong Pengarah Kanan | Bahagian Penerbitan, JAKIM

Setiap hari umat Islam akan menyebut sebanyak 10 kali nama Nabi Ibrahim AS dan keluarganya dalam solat fardhu lima kali sehari semalam. Namun ramai yang tidak mengenali siapakah Nabi Ibrahim AS dan mengapakah nama Baginda AS disyariatkan untuk disebut dalam tahiyyat akhir setiap kali umat Islam menunaikan solat. Adakah betul Nabi Ibrahim AS adalah bapa kepada monoteisme sebagaimana telahan sebahagian sarjana Islam dan para sarjana Barat. Anggapan ini berdasarkan kepada kedudukan Nabi Ibrahim AS sebagai bapa kepada tiga agama samawi iaitu Islam, Kristian dan Yahudi, walaupun ada di antara agama tersebut tidak layak diterima sebagai agama monoteisme kerana kepercayaan mereka yang menyekutukan Allah SWT dengan



Bibliografi Ringkas Nabi Ibrahim AS

Sejarah Nabi Ibrahim AS merupakan sejarah yang panjang dan berliku menurut lipatan sejarah Islam. Negara kelahirannya menjadi perbahasan dalam kalangan penganut agama Islam dan Yahudi. Namun menurut Ibn Kathir, Nabi Ibrahim AS lahir di sebuah tempat bernama Babel iaitu sebuah penempatan yang terletak di negara Iraq pada masa kini. Bapanya seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an ialah Azar. Manakala dalam Kitab Taurat disebut Terah. Walau bagaimanapun, salasilah keturunannya bertemu dengan Nabi Nuh AS dan berakhir dengan Nabi Adam AS.

Bapa Nabi Ibrahim AS adalah seorang pembuat berhala dan menjualnya di pasar-pasar. Malahan Nabi Ibrahim AS ketika remajanya turut diminta oleh bapanya untuk menjual berhala-berhala tersebut. Namun Nabi Ibrahim AS tidak bersetuju dengan perbuatan bapanya dan sering menghina berhala-berhala tersebut dan pernah Baginda AS membuang berhala-berhala yang dijual itu ke tempat pembuangan najis. Perbuatannya menjadi kemarahan bapanya dan kaumnya yang terkenal sebagai kaum yang menyembah berhala dan objek-objek angkasa seperti bulan, bintang dan matahari.

Kesedaran Nabi Ibrahim AS terhadap kesalahan bapanya dan kaumnya yang menyekutukan Allah SWT timbul sejak Baginda AS remaja lagi. Allah SWT merakamkan keimanan Nabi Ibrahim menerusi Firman Allah SWT yang bermaksud : *"Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan aku tetap berdasarkan tauhid dan bukanlah aku daripada orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)".* (al-An'am : 79). Rumusan daripada ayat tersebut ialah Nabi Ibrahim AS menolak kepercayaan kaumnya melalui keupayaan akal normal Baginda AS iaitu mempercayai bulan, bintang dan matahari adalah Tuhan. Nabi Ibrahim AS meyakini bahawa objek-objek tersebut tidak lebih daripada suatu ciptaan (makhluk) yang sudah tentu ada penciptanya yang bersifat Maha Kekal dan Maha Berkuasa berbanding dengan objek tersebut yang tidak kekal pada kedudukannya apabila suasana berubah iaitu dari malam ke siang dan dari siang ke malam.

Sikap agresif Nabi Ibrahim AS menentang perbuatan syirik kaumnya turut ditunjukkan Baginda AS ketika kaumnya berada di luar kawasan kerana menghadiri upacara keagamaan. Kesempatan tersebut diambil oleh Nabi Ibrahim AS untuk memusnahkan berhala sembah

kaumnya dan meninggalkan sebuah berhala yang besar sebagai bukti bahawa berhala itu yang memusnahkan berhala-berhala yang kecil. Perbuatannya itu tidak dapat diterima oleh kaumnya kerana tidak mungkin berhala yang tidak boleh bergerak dan berfikir dapat melakukannya. Hujah Nabi Ibrahim AS ke atas kaumnya tidak dapat disangkal oleh fikiran mereka yang waras, tetapi dek kerana kesesatan yang menebal dalam diri mereka telah menghukum Nabi Ibrahim AS sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Qur'an.



Nabi Ibrahim AS turut berhujah dengan pemerintah pada masa itu. Sebagaimana yang dipersetujui oleh para sarjana Islam, pemerintah yang dimaksudkan ialah Raja Namrud. Perdebatan Nabi Ibrahim AS dengan Raja Namrud lebih terarah kepada pembuktian kekuasaan Allah SWT sebagai Maha Berkuasa dan Maha Pencipta, apabila Nabi Ibrahim AS mencabar raja yang angkuh itu supaya menukar arah perjalanan matahari dari barat ke timur sebagaimana ketentuan Allah SWT bahawa matahari itu beredar dari timur ke barat. Namun cabaran tersebut tidak dapat dijawab oleh raja yang kafir tersebut.

Nabi Ibrahim AS adalah seorang umat

Kenyataan Nabi Ibrahim AS seorang umat kelihatan amat mustahil dari segi literalnya, Namun hakikatnya Baginda adalah seorang umat ketika masyarakat di sekelilingnya menyekutukan Allah SWT. Allah SWT menyatakan secara jelas bahawa Nabi Ibrahim AS adalah satu umat. Menerusi Firman-Nya yang bermaksud : *"Sesungguhnya Nabi Ibrahim AS adalah merupakan 'satu umat' (walaupun dia seorang diri); dia taat semata-mata kerana Allah, lagi berdiri teguh berdasarkan tauhid; dia tidak pernah menjadi orang yang Musyrik."* (an-Nahl:120).

Tafsiran-tafsiran berkaitan ayat ini oleh Ibn Kathir dan Ibn at-Tabari jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengiktiraf Nabi Ibrahim AS sebagai 'satu umat' walaupun Baginda seorang diri kerana sifatnya yang dipuji oleh Allah SWT sebagai seorang yang tunduk patuh kepada Allah SWT, teguh berdiri berdasarkan tauhid dan tidak tergolong dalam kalangan golongan Musyrik. Nabi Ibrahim AS tetap beriman kepada Allah SWT, biarpun tiada seorang pun kaumnya yang beriman dengan Allah SWT.

Nabi Ibrahim AS Mencari Tuhan

Kisah pencarian Tuhan Nabi Ibrahim AS merupakan kisah yang amat menarik untuk dikaji, ditafsir dan diteladani oleh masyarakat Islam kini. Kesemuanya bermula daripada kesesatan kaumnya yang menyembah berhala dan cakerawala. Apa yang menarik untuk diteladani ialah manusia secara semulajadinya mampu untuk mencari Tuhan yang Maha Esa kerana roh manusia semenjak azali dan semenjak penciptaan Adam AS telah mengenali Allah SWT. Namun apabila mereka hidup dan membiak di muka bumi akhirnya terjebak dengan runtunan nafsu dan bisikan Iblis dan syaitan.

Apa pun, kesemua ini tidak akan menuju kepada Tuhan yang hakiki tanpa bimbingan dan hidayah

daripada wahyu Allah SWT. Sebagaimana Nabi Ibrahim AS melalui fikirannya yang waras telah menolak kepercayaan kaumnya malahan meyakini tentu ada suatu kuasa Yang Maha Agung yang menciptakan alam ini dan seluruh isinya. Jawapannya adalah melalui pimpinan wahyu Allah SWT sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT menerusi Firman-Nya yang bermaksud : *"Dia dibantah oleh kaumnya, dia pun berkata : 'Patutkah kamu membantahku mengenai Allah, padahal sesungguhnya Dia telah memberikan hidayah kepadaku? Aku pula tidak takut (sebarang bahaya daripada) segala yang kamu sekutukan dengan Allah, kecuali Tuhanmu menghendaki...'"* (al-An'am : 80).



Nabi Ibrahim AS sebagai Bapa kepada Agama Samawi

Penggunaan istilah bapa atau pengasas kepada agama samawi (*Abrahamic Faiths*) merupakan istilah yang sentiasa bermain dalam kalangan penggiat ilmu perbandingan agama. Walaupun secara literalnya sebagai seorang berkecimpung dalam bidang perbandingan agama boleh menerima kepercayaan ini, namun sebagai seorang Islam perlu difahami bahawa Nabi Ibrahim AS bukanlah seorang yang mengasaskan agama-agama samawi. Malahan tidak lain Baginda AS hanyalah merupakan seorang rasul yang dipilih oleh Allah SWT untuk menyebarkan agama Tauhid dalam kalangan masyarakat. Apa yang berlaku ialah Nabi Ibrahim AS melahirkan keturunan yang

mendominasi tiga agama samawi utama dunia iaitu agama Yahudi, Kristian dan Islam.

Agama Yahudi dan agama Kristian adalah agama yang disebarluaskan oleh keturunan Nabi Ibrahim AS yang menyusurgalurkan Nabi Ishak AS. Manakala agama Islam adalah agama yang disebarluaskan daripada keturunan Nabi Ismail AS iaitu Nabi Muhammad SAW. Apa pun agama Islam tidak melihat dari sudut keturunan, tetapi lebih kepada aspek ajaran Nabi Ibrahim AS yang diperintahkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad AS supaya menurut ajaran Nabi Ibrahim AS. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim AS yang berdiri teguh di atas jalan yang benar, dan tiadalah dia daripada orang Musyrik".* (an-Nahl : 123).

Firman Allah SWT menerusi surah yang lain pula jelas menunjukkan pendirian Nabi Muhammad SAW dan orang Islam mengenai ajaran Nabi Ibrahim AS. Firman-Nya yang bermaksud : *"Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) berkata: 'Jadilah kamu pemeluk agama Yahudi atau pemeluk agama Nasrani, nescaya kamu akan mendapat petunjuk'.* Katakanlah (wahai Muhammad: Kami orang Islam tidak akan menurut segala yang kamu katakan itu) bahkan kami mengikut agama Nabi Ibrahim AS yang tetap berdasarkan Tauhid dan bukanlah dia daripada golongan Musyrik."

(al-Baqarah: 135).


Kesimpulan, Nabi Ibrahim AS bukanlah bapa kepada monoteisme, malah bapa kepada agama samawi. Sedangkan aqidah Tauhid ini telah ditanam dalam diri manusia semenjak dari zaman Nabi Adam AS. Malahan Baginda AS tidak lain hanyalah pesuruh Allah SWT yang dilantik untuk menyebarkan agama Tauhid di muka bumi pada zamannya dan diperintahkan kepada para rasul dan umat selepasnya untuk menuruti ajaran Nabi Ibrahim AS.

RAMADHAN

PERTAMA

**"ASYHADU ALLA ILLAHAI LLAH,
WA ASYHADU ANNA
MUHAHAMMADAR RASULLULLAH"**

(*Aku bersaksi bahawasanya tiada tuhan, selain Allah dan aku bersaksi sesungguhnya Nabi Muhammad SAW itu adalah pesuruh Allah*)



ZAKARIA BUSU | Penolong Penguasa Bomba | Ibu Pejabat Negeri Selangor

Sebutannya agak pelat dan tidak begitu lancar. Namun dia dapat menamatkan lafaz yang dituturkan di hadapan imam, disaksikan beberapa hadirin, selepas solat isyak di Masjid al-Syakirin. Detik itu dia sah menjadi seorang Muslim. Telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Agama Islam. Dia memilih nama barunya Mohd Irwan Cheng Bin Abdullah.

Sememangnya telah lama dia tertarik dengan agama Islam, sejak dia berada di sekolah menengah bergaul dengan rakan-rakan Melayu beragama Islam. Ketika berada di universiti, hatinya semakin terbuka untuk menghayati agama Islam, kerana itu dia semakin aktif membaca buku-buku mengenai kelslaman, berani bertanya dan merujuk kepada ustaz yang sering ditemui di kampus.

Dia menjadi nekad setelah hatinya amat yakin dalam membuat keputusan memeluk agama Islam. Namun bukan mudah, banyak ranjau yang perlu dirintangi apabila dia menyuarakan hasrat itu kepada keluarganya.

"Apa? Kau mahu masuk Islam?" Terjegil bola mata bapanya.

Dia hanya mengangguk, kemudian tunduk memandang lantai. Gerun sekali dia hendak bertentang mata dengan bapanya.

"Sudah kau fikir masak-masak? Jangan kau akan menyesal nanti..." Keras suara bapanya seakan mengertak.

"Kau nak tinggalkan agama kita, seperti juga kau mahu lupakan papa, mama juga adik kau Nancy," celah ibunya. Kelihatan air jernih mula tergenang di birai mata tua itu.

"Agama Islam tidak pernah mengajar penganutnya melupakan keluarga. Hubungan kita tidak akan putus, biarpun nanti kita telah berbeza agama..."

"Jika kamu tetap dengan keputusan itu, papa tidak rela lagi kamu berada dalam rumah ini..." pintas bapanya keras dan tegas. "Papa!" Pantas dia mengangkat kepala merenung ke arah bapanya. Wajah tembam berkulit putih itu mula berubah merah. Dia tahu bapanya tegas membuat keputusan. Beralih dia menoleh ke arah ibunya minta simpati. Kelihatan wanita itu sedang tersedu tidak mampu membelanya lagi.

Hari itu dia meninggalkan rumah agam di pingir bandar itu dengan seribu kesyahduan. Namun dalam hatinya tidak menyesal dengan keputusan yang telah dibuat. Tetapi harapannya dan doanya semoga suatu hari keputusan bapanya mungkin akan berubah. Sebelum dia melangkah keluar sempat dia memeluk ibunya dan menerpa cuba bersalamahan dengan bapanya tetapi lelaki tegas itu menepis tangannya sambil dengusan marah terhambur.

"Itu adalah dugaan untuk saudara baru seperti kau, tapi kau semestinya bersabar, sabar itu separuh daripada iman. Berdoalah kepada-Nya, insya-Allah suatu ketika nanti akan terbuka pintu hati mereka untuk menerima kau kembali," nasihat Megat rakan sepejabatnya yang begitu bermurah hati membenarkan dirinya menumpang hidup di rumahnya setelah disisihkan oleh keluarga.

"Hai, jauh benar abang mengelamun..."

Tersentak dia dengan suara teguran hampir di cuping telinganya. Dia menoleh. Seorang wanita tinggi lampai berkulit kuning langsat tersenyum manis di sisinya. Dia membala senyuman itu.

Apa yang dimenungkan?" lembut dan manja suara wanita yang telah sah menjadi isterinya, setelah dua bulan dia menjadi saudara baru.

"Tak ada apa-apa... Tapi abang merasa bertuah kerana dapat memiliki seorang wanita yang sudi menjadi teman hidup abang hingga ke akhir hayat." Ucapan itu disambut cubitan manja di pipinya.

Nur Ain, nama yang bagitu manis sesuai dengan orangnya yang berwatak lembut dan peramah. Berwajah bujur sirih, hidung mancung dan beralis tebal dengan ulas bibir yang tidak lokek dengan senyuman. Sepanjang dia menumpang di rumah Megat, tidak pernah dia menduga akan bertemu jodohnya di situ. Megat tidak pernah bercerita dia mempunyai seorang adik perempuan.

Segalanya terbongkar bila suatu hari minggu, sedang dia bersantai di sofa di ruang tamu membaca akhbar mingguan, loceng pagar rumah teres dua tingkat itu berdenting. Bergegas dia membuka daun pintu. Matanya menyorok keluar. Di luar pintu pagar tercepat seorang gadis berbaju kurung dan bertudung sedondon ungu. Sebuah beg pakaian terpakir di sisinya.

"Assalamualaikum... bang Megat ada tak?" tegur gadis itu.

Dia bagaikan orang mamai. Persoalan bermain di mindanya. Siapakah pula gadis yang terpacak di luar itu. Ketika itu Megat yang baru keluar daripada bilik air meluru turut menjenguk keluar.

"Masya-Allah, awal pulak Ain sampai," tegur Megat agak kalut dia menuju membuka pintu pagar. "Masuk... masuk Ain" pelawa Megat sambil mencapai dan menjinjing beg pakaian gadis itu.

mereka kembali melabuhkan diri di sofa ruang tamu. "Nur Ain ni seorang pendidik tau, tulah cita-citanya sejak kecil, katanya nak ikut jejak arwah ayah kami," sambung Megat lagi menjeling Nur Ain yang tersengih di sisinya.

"Nur Ain bercuti ke?" Dia mula berani untuk bersuara

"Tak... Ain kena berkursus selama dua minggu di sini."

Suara Nur Ain yang serak-serak basah menerpa cuping telinganya. Dia mengangguk dan apabila mata mereka bertentangan, dadanya berdegup entah kenapa.

Petang itu Malik bersama-samanya menghantar Nur Ain ke tempat berkursus di sebuah hotel di pusat Bandar. Semasa di dalam kereta, dia mula galak berborak dengan Nur Air yang duduk di belakang. Malik yang memandu hanya memasang telinga, sesekali sahaja dia mencelah.

Pada hari terakhir kursus Nur Ain, Malik mengajak menemaninya untuk menghantar Nur Ain ke stesen bas. Ketika langkahan Nur Ain menaiki tangga bas, menoleh dan melambai, satu perasaan aneh menyelinap ke sudut hati kecilnya. Dia menjadi sebak dan sayu. Hatinya menjerit seakan cuba menghalang Nur Ain meninggalkannya. Matanya mula berkaca, ketika kelibat bas hilang di selekoh terminal, senyuman dan lambaan Nur Ain tergambar kejap di mindanya. Benarkah ini yang dinamakan cinta pandang pertama?

Perasaan rindu dan sayang yang membungkus segenap sanubarinya bukan kerana nafsu. Perwatakan yang terpancar menerusi wajah dan alun tutur katanya, meyakinkan dirinya untuk memiliki gadis itu. Sesungguhnya Nur Ain mempunyai aura kewanitaan Islam sejati. Pencarian calon suri hidup telah ditemui. Harapannya semoga percaturan yang bakal dibuat tidak mungkin tersilap.

Dibulatkan tekad menyusun kata dengan berani meluahkan hasrat hatinya. Seketika ucapan terluncur dari bibirnya, tidak tergambar riak rasa terkejut di wajah Megat. Seperti dia sudah menduga segala yang terpendam dalam hatinya. Megat kemudian meleret senyum, kemudian mengambil telefon bimbit terus menghubungi Nur Ain. Megat meminggir ke suatu sudut beberapa ketika berbicara dengan Nur Ain, kemudian menghampirinya kembali.

"Alhamdulillah, kau tidak bertepuk sebelah tangan," ucap Megat menerpa dan memeluknya penuh mesra.

Segalanya berjalan dengan lancar. Nur Ain diijabkabulkan dengannya berwalikan Malek. Ucapan syukur berkumandang dalam dirinya. Dirinya merasakan dia adalah saudara baru yang amat bertuah dapat

memiliki seorang isteri yang memenuhi citarasanya.

"Masih mengelamun lagi?" suara manja Nur Ain sekali lagi menyentak lamunannya. "Jangan banyak berkhayal tau, nanti kurus pahala puasa," usik lagi Nur Air sampai memeluknya dari belakang.

"Betul juga kata Ain tu?" ucapnya menoleh mengusap lembut pipi isterinya. "Macam tak sabar aje nak berbuka?" usik lagi Nur Ain

Dia mengukir senyum. Tepat tekaan Nur Ain. Rasa detik menunggu ketibaan waktu berbuka begitu lambat sekali. Teruja sekali dia untuk menunggu saat itu, biarpun dulu semasa di universiti, dia berusaha berpuasa biarpun separuh hari sahaja. Ketibaan ramadhan memang ditunggu-tunggunya. Kerana kini adalah sejarah dalam kamus hidupnya berpuasa ketika dia telah sah menjadi seorang Muslim.

"Macam mana solat tarawih malam tadi?..." soal Nur Ain kembali.

Sekali lagi dia tersengih dan fikirannya menerawang . Sebelum ini, dia pernah melihat dari jauh rakan-rakannya mengerjakan solat tarawih. Begitu meriah mereka berduyun ke masjid dan surau berjemaah. Malam tadi dia sendiri berada di dalam saf Jemaah . Dia sudah tahu mengerjakan solat sunat tarawih. Dia bertekad mengerjakan sampai habis 20 rakaat kemudian disambung dengan witir tiga rakaat dua salam.

"Abang nak makan apa berbuka petang nanti?" ucap Nur Ain

"Terpulang pada Ain, paling penting ada kurma ...bukankah tu sunah Rasulullah,"

"Wah! Sudah pandai sekarang ya," puji Nur Ain.

Petang itu mereka ke Bazar Ramadhan . Dia begitu teruja melihat aneka kuih muih yang dijual. Kalau ikutkan nafsu, mahu

sahaja dia membeli apa sahaja makanan di situ. Tetapi dia segera teringat buku mengenai puasa yang pernah dibacanya. 'Pada bulan Ramadhan adalah bulan untuk mengawal nafsu, bukan sahaja nafsu syahwat tetapi nafsu makan dan minum. Berbelanjalah pada bulan mulia ini tanpa membazir, kerana tabiat membazir itu adalah amalan syaitan.

Hampir jam enam petang dia memandu pulang.

Nur Ain di sebelah terlentuk keletihan. Apabila dia memasuki jalan menghala ke rumahnya. Dari jauh kelihatan sebuah kereta BMW berwarna hitam terpakir betul-betul di depan pintu pagar, bersama sebuah kereta Proton Waja warna putih. Kedua-kedua kereta itu memang tidak asing baginya. Pantas dia mencuit bahu Nur Ain yang terkulat-kulat membuka matanya.

"Eh! Tu kereta abang Megat, tapi kereta Mercedes hitam tu siapa pula," ngomel Nur Ain.

Ketika dia memakirkan kereta, Megat datang menghampirinya dengan senyum dan salam."Maafkan aku, kerana tak telefon dulu, " ucap Megat mengenggam tangannya.

"Terima kasih, kerana sudi menziarah kami," ucapnya.

"Aku datang ni kerana hendak menunaikan hajat orang," balas Megat meleret pandangannya ke arah Mercedes hitam."Kau kenal mereka tu semua kan?"

Dia sedikit kaget apabila melihat mereka di dalam mercedes hitam itu sudah berada di hadapannya.

"Cheng, kau bagaimana? Sihat?" terlebih dulu seorang wanita itu dengan suara lembut dan mesra.

"Oh, Si... Sihat mama," pantas memeluk wanita bertubuh senderhana itu. Hatinya sebak. Juraian air jernih mula merembas di bibir matanya.

"Papa minta maaf atas perkara yang lalu Cheng," sampuk pula lelaki berbadan gempal. Serentak dia mara pula memeluk lelaki itu.

"Saya juga minta maaf sama papa," ucapnya dengan suara semakin sebak. "Hey Nancy adik abang, semakin cantik sekarang!" laungnya kemudian beralih kepada seorang gadis genit yang kemudian berlari ke arahnya. Mereka berpelukan mesra.

Setelah suasana kesyahduan pertemuan itu reda, dia menarik tangan Nur Air yang meminggir agak jauh dari situ. "Oh ya, terlupa nak perkenalkan orang baru dalam keluarga kita ni."

"Ah, mama dah tau semuanya ?" ucap ibunya pantas menarik dan memeluk Nur Air penuh mesra. "Wah, cantik sekali menantu mama ni!"

"Ya cheng, Malik telah ceritakan semuanya" jelas bapanya.

"Tergerak hati ni nak beli kuih muih lebih sikit hari ni, dapatlah sama-sama kita berbuka puasa , usul Nur Air

"Mana boleh, kita orang ni semua tak puasa, nanti kacau awak semua nanti," gurau bapanya tersenyum lebar

"Tiada masalah papa, berbuka ramai-ramai dalam satu keluarga lebih seronok lagi" balasnya sambil mempelawa keluarganya masuk ke rumah. "Hey abang Megat, jomlah masuk, jangan merajuk pula," sambungnya nada bergurau, melambai abang iparnya yang masih termangu di sisi keretanya.

Dalam setengah jam lagi waktu berbuka akan tiba. Dia merasakan Ramadhan pertama ini telah dikurniakan rahmat yang tidak terhitung. Ucapan kesyukuran bergema dalam dirinya; "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemurah, lagi Maha Pengasih," spontan tangannya meraup ke wajah mengaminkan doanya.

LESBIAN, GAY, BISEKSUAL & TRANSEKSUAL (LGBT)

DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) ?

HASLINDA LUKMAN | Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM

Gejala Sosial merupakan fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang melanda golongan remaja dan belia. Globalisasi dan modenisasi juga merupakan penyebab berlakunya perubahan nilai dalam diri individu, keluarga dan masyarakat. Malaysia ialah antara negara yang menerima tempias negatif arus globalisasi khususnya dalam isu berkaitan sosial. Budaya negatif seperti gaya hidup bebas ala barat yang bertentangan dengan budaya dan agama telah mula meresap dalam masyarakat.



Masyarakat kita pada hari ini semakin diresapi budaya hedonisme seperti suka berfoya-foya, berhibur dengan keterlaluan, ketagih rokok, judi, arak dan pengamalan seks bebas.

Rangkaian budaya seks bebas akhirnya melahirkan manusia yang digelar sebagai Lesbian, Gay, Biseseksual dan Transeksual (LGBT). Dalam konteks Malaysia hari ini, golongan LGBT merupakan ancaman baru dalam sistem sosial dan kehidupan beragama di negara ini.

Antara ancaman LGBT kepada sistem sosial dan beragama dapat dilihat antaranya ialah mereka telah menuntut supaya aktiviti gay diiktiraf supaya bebas diamalkan di negara ini. Mereka menuntut atas nama kebebasan hak asasi manusia yang kononnya diiktiraf oleh Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Seterusnya bagi memperjuangkan agenda songsang itu, mereka telah menujuhkan kelab-kelab gay yang menonjolkan aktiviti-aktiviti dan identiti mereka.

Secara umumnya isu LGBT bukanlah isu baru yang berlaku dalam sejarah ketamadunan manusia dan juga di negara ini. Namun kemunculan mereka ketika ini telah mengejutkan banyak pihak. Ini kerana keberanian mereka untuk menonjolkan diri secara terbuka dan tindakan mereka untuk menuntut aktiviti gay dan aktiviti seumpamanya diiktiraf di negara ini. Kemungkinan ini dilakukan untuk meniru sebagaimana yang berlaku di sebahagian negara barat.

Memandangkan Islam adalah agama suci dan agama Persekutuan Malaysia perbuatan sebahagian individu Muslim yang terlibat dengan aktiviti gay dan perbuatan seumpamanya sebenarnya telah mencemar maruah agama Islam dan umat Islam itu sendiri. Oleh kerana itu, usaha hendaklah dicari terutamanya oleh agensi agama Islam untuk menangani dan menghapuskan perbuatan terkutuk tersebut. Ini dilakukan demi maruah agama Islam dan maruah 17 juta (67%) Muslim di negara ini.



PANDANGAN ISLAM TERHADAP KEGIATAN (LGBT)

Islam dan semua mazhab yang diiktiraf mengharamkan lesbian, gay biseksual dan Transeksual (LGBT). LGBT suatu perlakuan dalam kategori mungkar dan dosa besar seperti perbuatan zina, lacur, arak dan judi. Pengharamannya jelas disabitkan melalui sumber ilmu (epistemologi) Islam.

Dalam al-Qur'an pengharamannya secara jelas disebutkan antaranya menerusi surah al-Isra' ayat 17-32, surah an-Nur ayat 24, surah al-A'raf ayat 80-84, surah an-Naml ayat 54-58, surah an-Nisa' ayat 15-16 dan surah al-Ankabut ayat 28-35. Begitu juga banyak hadith yang mengharamkan perbuatan-perbuatan tersebut. Ijmak Ulama' sepandapat bahawa perlakuan zina, liwat dan *musahaqah* yang dikaitkan dengan amalan lesbian, gay dan biseksual termasuk dalam dosa besar dan pelakunya wajib bertaubat dan dikenakan hukuman berdasarkan hukum Syariah yang telah ditetapkan.

Contoh: Dari sudut Syariah, ulama' sepandapat menyatakan homoseksualiti suatu jenayah yang boleh dikenakan hukuman demi menjaga kepentingan diri dan masyarakat. Perbezaan pandangan hanya timbul berkaitan bentuk hukuman sama ada dikenakan hukuman hudud atau takzir seperti dipenjara atau dibuang negeri.

Begitu juga perlakuan jenayah seperti zina dan gay merupakan satu kesalahan jenayah Syariah yang berat menurut hukum Islam. Bahkan dalam kes tertentu pemerintah/kerajaan sendiri tidak mempunyai hak untuk menjatuhkan hukuman

melainkan hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Sebagai contoh: Kes zina di bawah jenayah hudud kerajaan pun tidak berhak memberi pengampunan terhadap hukumannya melainkan hukuman rejam atau rotan 100 kali.

Memandangkan besarnya implikasi yang akan terjadi LGBT ini, maka sewajarnya seluruh masyarakat di Malaysia memikirkan satu strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk mencegah kumpulan ini daripada terus berkembang. Sekiranya tindakan pencegahan tidak dilakukan dikhuatir ia akan mengundang kemurkaan dan bala daripada Allah SWT yang apabila ia berlaku musibahnya akan turut terkena setiap daripada kita sama ada golongan taat atau golongan yang engkar.

SENARIO LGBT di IPT

Kemunculan kelompok LGBT di IPT boleh memberi gambaran yang negatif kepada masyarakat dan menjatuhkan imej universiti. Matlamat pelajar ke universiti adalah untuk menuntut ilmu sehingga tamat pengajian. Namun, sama ada disedari atau tidak, masalah sosial muncul dengan pelbagai budaya dan ragam. Salah satunya adalah masalah yang dibawa oleh kelompok lelaki lembut yang wujud dalam persekitaran gedung pendidikan. Seperti hidup bersosial dengan rakan perempuan, budaya 'pinky' yang menjadi gaya dan *trend* dalam kalangan lelaki lembut, dan sebagainya. Antara sorotan kajian yang boleh memberi pencerahan berkaitan isu ini adalah sebagaimana berikut:

Kajian Dr Zuraidah Abdullah daripada Universiti Malaya mendapati dari seramai 344 orang responden transgender yang terdiri daripada *transwomen* atau 'Mak Nyah' terlibat dengan kajian ini. Majoriti 156 orang (45.0%) responden berumur dari 21 sehingga 29 tahun. Diikuti 133 orang (39.0%) responden yang berumur 30 sehingga 39 tahun, 41 orang (12.0%) responden yang berumur 40 sehingga 49 tahun, 7 orang (2.0%) responden yang berumur 50 tahun ke atas dan bawah 20 tahun masing-masing. Responden terdiri daripada pelbagai golongan etnik (235 atau 68.0% adalah Melayu, 31 atau 9.0% adalah Cina, 78 atau 22.0% adalah lain-lain etnik dan tiada responden daripada etnik India). Sesuai dengan kepelbagaian etnik di Malaysia, hasil kajian turut mempengaruhi kepelbagaian dari aspek agama. Majoriti responden beragama Islam iaitu seramai 271 orang (79.0%), Kristian adalah seramai 31 orang (9.0%), Buddha adalah seramai 17 (5.0%), lain-lain agama adalah seramai 25 orang (8.0%).

Dari segi pendidikan, majoriti responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu seramai 236 orang (69.0%). Mereka terdiri daripada responden yang menerima pendidikan dari peringkat Sijil Pelajaran Malaysia iaitu seramai 123 orang (36.0%), diikuti peringkat diploma iaitu seramai 72 orang (21.0%), peringkat Penilaian Menengah Rendah iaitu seramai 17 orang (5.0%) dan peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia iaitu seramai 7 orang (2.0%). Manakala responden yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi adalah seramai 108 orang (31.0%) sahaja. Mereka adalah responden yang menerima pendidikan dari peringkat Ijazah iaitu seramai 61 orang (17.0%), peringkat Sarjana adalah seramai 44 orang (13.0%) dan peringkat Doktor Falsafah iaitu seramai 3 orang (1.0%).

Kajian oleh **Farahwahida Binti Mohd Yusof dan Sharifah Munirah Binti Timmiati** Faikulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dengan tajuk “*Lelaki Lembut: Faktor dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA*.” Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi lelaki lembut di Universiti Teknologi Malaysia, di samping untuk mengetahui kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut serta menghuraikan kedudukan lelaki lembut menurut perspektif Islam. Kajian ini menggunakan metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data untuk mendapatkan hasil kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor teman-teman, faktor keluarga dan media turut mempengaruhi golongan lembut. Kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut tidak dinafikan telah memberi kesan kepada mereka. Dalam konteks Islam pula, tiada istilah lelaki lembut. Golongan ini dikategorikan sebagai *tranvestite* dan hukumnya haram sekiranya mereka bertingkah laku seperti perempuan dan menukar jantina. Pada akhir kajian, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk mengatasi golongan lelaki lembut.

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar lelaki yang menduduki pengajian sepenuh masa yang berwatakkan dan berketerampilan lembut di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Skudai, Johor. Perkara yang dikaji hanyalah terbatas kepada faktor yang mempengaruhi golongan lelaki lembut dan mengetahui kesannya bagi membentuk sahsiah dalam kehidupan mereka kelak. Menurut beliau terdapat empat faktor pembiakan :

- ~ Biologi
- ~ Pengaruh rakan : Didapati suka berkawan dengan perempuan sebab jiwa dan budaya yang sama.
- ~ Keluarga : Kurang kasih sayang bapa, bapa garang lebih rapat dengan ibu, dari kecil ibu suka pakaikan pakaian wanita, mereka akhirnya mengikuti perangai ibu suka bersolek;
- ~ Media : Drama memaparkan perlakuan mak nyah , suka tengok model wanita yang cantik-cantik dan berangan-angan menjadi seperti mereka.

“*Gejala LGBT di IPT Mevingikut Perspektif Pelajar UTP*” oleh **Seri Nara Diraja**, menjelaskan punca perkembangan LGBT sama dengan kajian di atas juga melibatkan empat faktor di atas. Gaya hidup gay sebagaimana temubual yang dilakukan menyatakan bahawa mereka seronok melakukan hubungan dengan lelaki, namun sedar ia salah dan ingin bertaubat apabila sampai masanya. 43 Pelajar UTP dari menolak LGBT, sedar dan menganggap ia adalah satu gejala yang tidak bertamadun dan pengaruh daripada barat.

Kajian bertajuk “*Difusi Ruangan Budaya Transeksualisme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia*” (*Spatial Diffusion of Transsexualism and Geographical Imagination of the Cross-dressed Male Students in Malaysian Local Universities*) oleh **Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat, Jas Laile Suzana Jaafar** mendapati peranan rakan dan media sangat penting bagi penyebaran budaya transeksual di kalangan responden. Manakala imaginasi dan identifikasi yang diberikan oleh responden terhadap diri mereka, iaitu sebagai wanita, memudahkan mereka menerima gaya hidup transeksual.

Seterusnya kajian yang bertajuk “*Faktor-faktor yang mempengaruhi keceluaran gender di Kalangan pelajar lelaki lembut di UITM Johor*” oleh **Sidek Abdullah, Khadijah Yahya dan Hasdi Yusoff** menyatakan empat faktor terjebak dengan LGBT :

- ~ Rakan Sebaya
- ~ Keluarga
- ~ Sosiologi
- ~ Persekutaran

Menurut **Dr Zuraidah** hak asasi dan diskriminasi golongan transgender di Malaysia memerlukan perhatian daripada pelbagai pihak terutamanya kepada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan. Hasil kajian ini menunjukkan golongan transgender di Malaysia masih lagi memperjuangkan hak asasi dan kebebasan mereka. Majoriti responden berpendapat hak asasi perlu diberikan kepada golongan transgender di Malaysia (334 orang atau 97.0%). Responden

turut berpendapat bahawa golongan transgender di Malaysia didiskriminasi oleh masyarakat (313 orang atau 92.0%). Walaupun terdapat perkhidmatan kebajikan yang disediakan kepada komuniti transgender di negara ini, namun berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati terdapatnya responden yang beranggapan perkhidmatan yang disediakan masih lagi tidak mencukupi. Majoriti responden bersetuju bahawa kemudahan kebajikan yang disediakan kepada komuniti transgender adalah masih kurang (216 orang atau 63.0%). Oleh kerana majoriti responden berpendapat bahawa mereka didiskriminasi, ini menyebabkan mereka merasakan hak asasi mereka sebagai transgender adalah tidak dilindungi (279 orang atau 81.0%).

Agama masih memainkan peranan yang penting apabila seseorang berhadapan dengan isu transgender malah golongan transgender turut mengakui peranan agama dalam membuat keputusan. Majoriti responden berpendapat bahawa agama memainkan peranan dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap golongan transgender di Malaysia (331 orang atau 96.0%). Daripada hasil kajian ini juga mendapati, walaupun terdapat agama yang melarang penganutnya menjadi seorang transgender namun kebanyakannya responden masih mampu bertoleransi apabila ingin membuat sebarang keputusan. Hampir keseluruhan responden masih berpegang kepada ajaran agama untuk membuat keputusan apabila melibatkan jantina diri mereka walaupun mereka bergelar sebagai transgender (227 orang atau 66.0%).

Maka dapatlah dirumuskan bahawa keimanan yang rapuh ditambah dengan persekitaran yang memberangsangkan ke arah gaya hidup LGBT merupakan pemangkin ke arah bertambah suburnya budaya yang celaru ini. Penulis melihat satu kajian yang holistik wajib dijalankan untuk melihat isu dengan lebih dekat tanpa prasangka semata-mata kerana apa yang didapati ketika ini kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk terpisah seperti hanya berkaitan mak nyah atau pengkid semata-mata. Hasil kajian boleh digunakan dalam pelan tindakan untuk sokong bantu dan rawat kepada golongan ini terutama kepada penuntut di IPT yang merupakan harapan negara pada masa depan.

Kesimpulan, isu ini perlu ditangani secara konsisten dengan pelan strategi yang betul supaya tidak membazirkan masa dan kos kerajaan.



SISTEM PAJAK GADAI ISLAM AR-RAHNU : PILIHAN ATAU KEWAJIPAN ?

DR MOHD SUKKI OTHMAN | Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM)

Sistem pajak gadai konvensional telah mendominasi masyarakat Melayu Islam di negara kita sejak sekian lama terutama sejak pemerintahan British di Tanah Melayu. Tambahan pula, perniagaan pajak gadai juga banyak diusahakan oleh masyarakat Cina. Sehubungan dengan itu, orang Melayu Islam di negara ini yang memerlukan perkhidmatan mudah tunai telah berurusan dengan kedai-kedai pajak gadai konvensional yang kebanyakannya diusahakan oleh pengusaha-pengusaha Cina itu. Hal ini telah menyebabkan berlakunya transaksi perniagaan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Sistem pajak gadai konvensional adalah haram menurut ajaran Islam kerana ia mengandungi elemen-elemen yang diharamkan seperti riba', penindasan dan sebagainya. Dalam sistem pajak gadai konvensional, unsur riba' amat jelas berlaku apabila ia diasaskan kepada perjanjian pinjaman yang dikaitkan dengan sesuatu ganjaran dan bukan pada gadaian itu sendiri. Oleh itu, pinjaman kewangan tersebut akan dikenakan 'bunga' atau faedah. Jelasnya, pajak gadai konvensional menjadikan 'faedah' sebagai sumber hasil kepada pemberi pinjaman dan ianya adalah riba' yang diharamkan oleh Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Orang yang memakan (mengambil) riba' itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Sesungguhnya berjulah beli itu sama sahaja seperti riba." Padahal Allah telah menghalalkan berjulah beli (berniaga) dan mengharamkan riba'...."* (al-Baqarah : 275).

Selain itu, unsur penindasan dan ketidakadilan berlaku dalam sistem pajak gadai konvensional apabila barang yang digadai akan lopus apabila ia tidak dapat ditebus. Ini menunjukkan berlaku pengambilan harta secara tidak adil. Sekiranya harta yang digadai itu dijual, maka lebih harta jualan setelah dilunaskan hutang pemberi gadaian tidak akan dikembalikan kepada pemberi gadaian tersebut. Unsur penindasan seumpama ini jelas diharamkan dalam ajaran Islam kerana ia melibatkan mengambil hak orang lain secara penindasan dan secara tidak adil. Ringkasnya, sistem pajak gadai konvensional adalah satu sistem yang tidak berteraskan prinsip syariah Islam dan ia adalah haram di sisi Islam. Maka, masyarakat Islam tiada pilihan melainkan wajib menerima sistem pajak gadai Islam yang dikenali sebagai *ar-Rahnu*.

Sistem pajak gadai dalam Islam ataupun *ar-Rahnu* ini bukanlah sesuatu yang asing kerana ia sudah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Saidatina Aisyah RA telah menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan cara menanggukkan pembayarannya (berhutang) lalu Baginda menyerahkan baju besi sebagai gadaianya. Ini sekali gus menunjukkan bahawa sistem pajak gadai diterima dan disyariatkan dalam ajaran Islam kerana ia memberi kebaikan dan maslahat kepada mereka yang memerlukan.

Allah SWT telah menyatakan tentang konsep gadaian menerusi firman-Nya yang bermaksud: *"Jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh),*

sedangkan kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberikan hutang). Kemudian kalau yang memberitahu hutangpercaya kepada yang berhutang (dengan tidak perlu bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya..." (al-Baqarah : 283).

Sistem Pajak Gadai Islam telah termaktub sebagai suatu sistem yang sempurna dan praktikal untuk dilaksanakan oleh umatnya bagi mengelakkan berlakunya riba' dan unsur-unsur *gharar* (penipuan dan ketidakpastian). Para cendekiawan Islam dan sarjana undang-undang Islam telah mentakrifkan gadaian sebagai barang yang disahkan sebagai cagaran hutang atau dengan kata lain menjadikan sesuatu harta yang mempunyai harga sebagai jaminan hutang. Ia akan dijadikan pembayaran hutang sekiranya hutang tidak mampu dijelaskan.

Sistem *ar-Rahnu* dalam Islam bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah umat Islam daripada terus dibelenggu dengan sistem yang haram, bahkan ia juga dapat memberikan manfaat yang banyak kepada mereka yang terlibat dalam sistem Islam ini. Antara kelebihan *ar-Rahnu* berbanding Pajak Gadai Konvensional ialah tidak mengenakan kadar faedah yang mengandungi unsur riba'. Dalam perjanjian *ar-Rahnu*, hutang (pinjaman) yang diberi tidak dikenakan sebarang faedah riba' berbanding pajak gadai konvensional yang menjadikan faedah sebagai sumber hasil kepada pemberi pinjaman. Seterusnya, kebaikan sistem *ar-Rahnu* ini ialah wang

lebihan gadaian akan dipulangkan kepada pemberi gadaian dan sekali gus akan menyelamatkan pemberi gadaian daripada terlibat dalam penindasan dan ketidak-adilan. Contohnya ialah sekiranya pemberi gadaian tidak berkemampuan membayar balik hutang yang ditanggungnya apabila tamat tempoh perjanjian, pemberi gadaian tersebut akan diberitahu atau dimaklumkan tentang barang gadaian yang terpaksa dijual. Sekiranya harga jualan melebihi baki hutangnya, lebihan tersebut akan dikembalikan. Inilah keadilan sistem *ar-Rahnu* yang berteraskan prinsip syariah Islam yang menjamin keadilan kepada semua pihak.

Di Malaysia, Skim Pajak Gadai Islam *ar-Rahnu* mula mendapat tempat rentetan daripada pelaksanaan syariah dalam sistem perbankan Islam yang bermula pada tahun 1983. Skim Pajak Gadai Islam telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh Majlis Agama Islam Terengganu pada 23 Januari 1992 yang dikenali sebagai Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Pelaksanaannya yang memenuhi kehendak Syariah Islam telah menarik minat Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan (PKNK). Melalui anak syarikatnya iaitu Permodalan Kelantan Berhad (PKB) ia telah mewujudkan 'Kedai *ar-Rahn*' yang mula beroperasi pada Mac 1992.

Seterusnya Sistem Pajak Gadai Islam ini terus berkembang apabila Bank Kerjasama Rakyat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) telah memperkenalkan skim ini kepada masyarakat umum. Pelaksanaannya mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Bank Negara Malaysia yang turut bertindak sebagai badan kawal selia kerajaan. Sambutan yang baik dan menggalakkan daripada pelbagai golongan telah memberi peluang kepada YPEIM untuk menjadi pelopor yang berdaya saing. Fasa seterusnya dijalankan dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM). Memandangkan skim ini berdaya maju, memenuhi kehendak dan hukum syariah, beberapa badan pergerakan koperasi dan kerajaan negeri telah mula menceburkan diri ke dalam bidang ini. Sehubungan dengan itu, Sistem Pajak Gadai Islam *ar-Rahnu* ini semakin berkembang pesat di Malaysia.

Skim *ar-Rahnu* merupakan sistem pajak gadai Islam yang menggabungkan konsep-konsep syariah *ar-Rahnu*, *Al-Wadi'ah Yad Dhamanah* dan *al-Qardhul Hasan*. *Ar-Rahnu* merujuk kepada mekanisme berkaitan suatu

barang berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan hutang bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya hutang tersebut tidak dapat dijelaskan. *Al-Wadiyah Yad Dhamanah* pula merujuk kepada simpanan barang berharga dengan jaminan. Setiap simpanan akan dikenakan upah simpan. Manakala *al-Qardhul Hasan* pula merujuk kepada pinjaman (hutang) tanpa faedah. Peminjam hanya dikehendaki membayar jumlah pokok yang dipinjam.

Skim *ar-Rahnu* ini beroperasi dengan memberi pinjaman (hutang) ihsan sementara kepada yang memerlukan, dengan cagaran atau barang sandaran yang dinamakan '*marhun*'. Menerusi konsep ini, sesuatu barang yang berharga dijadikan sebagai cagaran yang terikat dengan hutang. Secara ringkasnya, sekiranya hutang tersebut tidak dijelaskan, maka '*marhun*' boleh digunakan untuk menjelaskan baki hutang tersebut. Tujuan '*marhun*' ialah untuk meyakinkan tuan punya hutang (pemiutang) bahawa risiko pembayaran semula hutang tadi dapat dikurangkan. Sementara di pihak penghutang, mereka ini tidak perlu menanggung beban pembayaran semula yang tinggi, sebaliknya jalan penyelesaian terbaik telah pun dipersetujui.

Bagi hutang tadi pula, skim ini melaksanakan prinsip *al-Qardhul Hasan* (bantuan ihsan), iaitu pinjaman (hutang) tanpa faedah yang lebih bersifat kepada sikap tolong-menolong dan bantu-membantu sesama Islam, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud :



“Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, janganlah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...” (al-Mâ'idah:2).

Sementara prinsip *al-Wadiyah* pula ialah akad di antara tuan punya barang dengan pihak yang menyimpan barang gadaian tersebut. Atas dasar *al-Wadiyah*, ia akan mengenakan bayaran upah simpan ke atas barang gadaian. Jadi, skim pajak gadai Islam ini tidak akan mengenakan sebarang faedah kepada pinjaman (hutang), tetapi hanya mengambil upah untuk menyimpan dengan selamat ke atas barang gadaian.

Secara ringkasnya, sistem pajak gadai Islam memenuhi ciri-ciri berikut:

- 1- Bebas daripada unsur riba', selari dengan kehendak dan hukum Islam.
- 2- Ianya berkonseptan fardhu kifayah iaitu membantu sesama umat yang memerlukan pertolongan.
- 3- Meletakkan tanggungjawab sosial ke atas peminjam dan pemberi pinjaman iaitu menggunakan konsep upah perniagaan yang dibenarkan oleh syarak.
- 4- Meningkatkan sikap amanah kepada pengusaha untuk menyimpan barang gadaian tersebut dengan baik.
- 5- Transaksi perniagaan yang lebih telus iaitu dengan bersandarkan kepada harga semasa barang gadaian (kebiasaananya barang gadaian ialah emas).
- 6- Bebas daripada unsur penindasan dan ketidakadilan dengan memberikan lebihan harga jualan barang cagaran kepada pemberi gadaian setelah dilunaskan hutangnya.

Kesimpulan, dengan adanya Skim Pajak Gadai Islam *ar-Rahnu*, dapat memberi ruang kepada masyarakat Islam dalam mengatasi masalah kewangan. Mereka yang memerlukan pinjaman segera (hutang) tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai konvensional yang lebih bersifat menekan dan menindas serta mengandungi unsur riba' yang diharamkan. Sistem Pajak Gadai Islam adalah sistem yang berteraskan kepada dasar dan prinsip tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain yang sememangnya dianjurkan oleh ajaran Islam. Oleh yang demikian, tidak ada alasan lagi kepada masyarakat Islam untuk berurus dengan skim pajak gadai konvensional, sebaliknya berurus dengan skim pajak gadai Islam *ar-Rahnu* merupakan sesuatu yang wajib.

کپاتاونش، تيدق راما يع سدر تنفع كفتنيغون سومبر اعير. اقاپيلا تياد کسدرن، مك مقوکه مریک
معھرکاي سومبر انوگره إلهي ايت؟ سيكف تيدق قدولي اين سبنز مغكمبرکن نيلاي کيت ترهادف سومبر
اعير يغ دلتقن دتاهف يغ امت رنده سکالي. تماھن فولا، منجاديکن ساءورغ يغ ترلا لو ممنتيغون ديري
سهیغک ترلوغا بهاوا اعير بوكن سمات؟ اونتوق ماۓنسی تنافي اد مخلوق يغ برکنتوغ کقد اعير اونتوق
کلغسوغان هيدوغ.

اوليه ايت، مبنيوق نيلاي يغ بتول ترهادف عالم سکيتر امته فنتيغ. نيلاي دسيفي بوكن سهاج مرجوج
کقد نيلاي عالم دان سومبر يغ بوليه دکوناکن اوليه ماۓنسی تنافي لبيه مندالم لاکي ايا له مليهت عالم
سرتا ايسين سبکاي چيقتاون الله سبحانه وتعالي توروت دکوغسي اوليه مخلوق سلاعین ماۓنسی. جك
ماۓنسی توندوق ۋاتوه کقد الله سبحانه وتعالي، عالم دان ايسين جوك بکيتو. اين دتونجوقون ددالم سورة
الحج ايات ۱۸ يغ برمقصود : "تيدقکە اغکاو مغتاھوئي بهاوا سکالا يغ اد دلاغىت دان دبوي توندوق سوجود
کقد الله دان (دان تارا شتر ماسوقله) ماتاھاري دان بولن، دان گونوغ-كانغ، دان ۋوکوق؟ کاي،
دان بىناتغ؟ سرتا سبهاکين بسر دري ماۓنسی؟ دان باپق فولا (دان تارا ماۓنسی) يغ برحى دتيمقا عذاب
(دسبېکن ککوفورنى دان معصيتن)، دان (ايغتلە) سسياقا يغ دھيناكن اوليه الله مك اي تيدق اکن
برأوليه سسياقاون يغ دافت مولياکن. سسوڭوھن الله تتف ملاکوکن اف يغ درېچىگەن.

جوسترو ايت، هندقلە مستيکن کوانتيي دان کوالىي اعير برا د قد تاھف يغ ترتيغى سهیغک بوليه
دکوناکن اوليه ماۓنسی دان مخلوق هيدوغ يغ لاءين. سبکاي ۋەشكۇنا، هندقلە کيت مېرى تو مقولان کقد
قۇرۇغۇ دان ۋەنجىمەن سرتا مغىملەن ۋەشكۇنا ئەن بىرھىمە.

كسيم قولنىش، هندقلە کيت مغىمىل ۋەھاتىن دالى مناغىنى ۋەشكۇناعن دان ۋەنجاكاون سومبر اعير. تردافت
بىراقا ۋەركارا فنتيغ يغ بوليه دروموسكىن ياعىت:

فرتام: اعير اداھ كېرلowan اساسى يغ دمنفعتىن دالى ۋەشكاي اسقىك كھيدوون باکىي مستيکن
ۋەھيدوون يغ سلامت، سلىسا دان سىقولى.

كدوا: سلاعىن قمباغونن فيزيكل، اعير جوك فنتيغ دالى قمباغونن روحانىي باکىي مبوليەكىن
کيت بىر عبادة کقد الله سبحانه وتعالي.

كتىكا: كسيلەن دالى تدبیر اوروس اعير اکن منداتىغىن بنچان دان مباوا ملاقتاک کقد كھيدوون
ماۓنسى.

اعير اداله نادي كهيدوون دان دكواناكن دالم همغير ستياف اسفيك كهيدوون ماءعني. بوكن سهاج سباكاي مينومن، بهكن دالم ڦيلڪاي بنتوق ككياتن هارين ماءعني سفرتي مباسوه، مندي، برعبادة دان سباكاين. سلاعين ككوناون دوميستيك، اعير جوک فنتيغ دالم ككياتن ايڪونومي سفرتي فرليندوسترين، ڦركيلعن دان ڦعشڪوتون. ماله، اعير جوک موغضڪينكن ڦنجاناعن تناڪ ايilikتريڪ يع بولاڪو دايمقعن-ايمقعن.

اعير جوک مروفاڪن باهن منته يع فنتيغ دالم ڪٻاپڪن بيداڻ ايندوستري دان ڦراوسهاعن يع ڦشكوناون سماڪين هاري سماڪين گومقليلڪس. ساعير يع دغٽن اوسيها ڪراجا奔 منوجو نڪارا ماجو، ڪفروان اعير ڦيلو سجاجر دغٽن ڪفستان ايندوستري مودن تراوتامان سڀكتور ڦرتانين. سچارا عامن، تومبوهن؟ مملوڪن ڪوانتيقي اعير يع منچوڪو في اونتوق هيڊوڻ سوبور. تنٺا ٻڪلن اعير يع چوڪوڻ، سڀكتور ترسبوت اڪن لومڻو دان بوليه مباوا ڪڦ فينومينا ڪبولورن سفرتي يع ترجادي دٻبرافا بواه نڪارا يع برڪتوغ ڪڦ حاصل ڦرتانين يع دتيمقا ڪماراو ڦنجع.

سلاعين درٺد ايت، اعير جوک فنتيغ دالم ڦمباڳونن روحانيه. ڪيت مملوڪن اعير اوـنتوق برسوچي باڪي مبوليـڪن ڪيت برعبادة ڪڦ الله سبحانه وتعالي. دالم ڪاداـن برسـيه دـان سـوچـي، ڪـيت اـڪـن منـجـادـي لـبيـه تـنـع دـان خـشـوـع سـرـتا تـواـضـع اوـنـتـوق بـرـعـبـادـة ڪـفـداـش. دـسـمـقـيـع اـيت، ڦـنـچـيـقـتـائـعـن يـعـ بـرـڪـائـيـن دـغـٽـن اـعـير سـفـرـتـي هـوـجـن، سـوـغـايـيـ، تـلـاـكـ، اـعـير تـرـجـون دـان سـبـاـڪـايـنـ مـرـوـفـاـڪـنـ ڪـبـسـرـنـ اللهـ سبحانـهـ وـتعـالـيـ باـڪـيـ اـورـعـ يـعـ بـرـفـيـڪـيـرـ. فـرـمانـ اللهـ سبحانـهـ وـتعـالـيـ دـدـاـلمـ سـوـرـةـ فـصـلـتـ اـيـاتـ ٣٩ـ يـعـ بـرـمـقـصـودـ: "دان دـانـتـارـاـ تـنـدـاـ"ـ ڪـڪـوـاسـاعـنـ، اـغـڪـاـوـ مـلـيـهـتـ بـوـميـ ڪـوـسوـغـ سـفـيـ (ـدـالـمـ ڪـادـاـنـ ڪـرـيـعـ دـانـ تـنـدـوـسـ)، مـكـ اـقـاـبـيـلاـ کـاميـ منـورـونـڪـنـ هـوـجـنـ منـيـمـقـاـنـ، بـرـڪـرـقـلـهـ تـاـنـهـ سـرـتاـ سـوـبـورـلـهـ تـاـنـاـمـنـ. سـسـوـغـڪـوـهـنـ اللهـ يـعـ مـغـهـيـدـوـقـڪـنـشـ سـوـدـهـ تـنـتـوـ بـرـڪـوـاسـ مـغـهـيـدـوـقـڪـنـ مـخـلـوقـ؟ـ يـعـ تـلـهـ مـاـتـيـ، سـسـوـغـڪـوـهـنـ ايـ مـهاـ ڪـواـسـ اـتـسـ تـيـافـ؟ـ سـسـوـاتـوـ".

درـيـ سـوـدـوـتـ يـعـ لـاءـينـ ڦـولاـ، اـعـيرـ بـولـيهـ مـبـاـواـ ڪـموـسـنـهـنـ ڪـڦـ مـاءـعنيـ. ڪـموـسـنـهـنـ اـيـنـ تـرـجـادـيـ اـقـاـبـيـلاـ بـرـلاـڪـوـشـ مـسـئـلـهـ بـنـجـيـرـ، بـنـجـيـرـ لـوـمـقـوـرـ ماـهـوـڻـونـ ڦـنـچـمـرـنـ اـعـيرـ دـسـوـغـايـيـ سـرـتاـ هـوـجـنـ اـسـيـدـ. وـالـاـ وـبـاـڪـاـيـمـانـاـفـونـ، بـنـچـانـ يـعـ دـسـبـوـتـڪـنـ اـيـتـ هـاـثـ اـڪـنـ بـرـلاـڪـوـ اـقـاـبـيـلاـ مـاءـعنيـ سـنـدـيـرـيـ ڪـاـڪـلـ ڦـعـورـوـسـڪـنـ اـعـيرـ دـانـ عـالـمـ ڦـرـسـكـيـتـرـنـ دـغـٽـنـ بـاءـيـقـ. تـمـبـهـنـ لـاـڪـيـ اـقـاـبـيـلاـ مـاءـعنيـ تـيـدقـ منـجـاـڪـ ڪـبـرـسـيـهـنـ، مـمـبـيـارـڪـنـ سـمـقـهـ بـرـتـابـوـرـنـ تـنـٺـاـ دـأـورـوـسـ، مـنـبعـ ڦـوـڪـوـقـ سـچـارـاـ رـاـڪـوـسـ، مـغـڪـونـدـوـلـڪـنـ تـاـنـهـ تـنـٺـاـ بـلـسـ کـاـسـيـهـنـ، مـمـبـيـسـڪـنـ باـهـنـ چـمـرـ ڪـاءـيـرـ تـنـٺـاـ رـاـسـ بـرـسـالـهـ، ڦـمـبـاـڳـونـڪـنـ سـسـوـاتـوـ ڪـاوـسـنـ تـنـٺـاـ ڦـرـانـچـعـنـ يـعـ بـيـجـقـ دـانـ مـسـرـاـ عـالـمـ، مـكـ ڪـتـيـكـ اـيـتـوـلـهـ اـعـيرـ اـڪـنـ مـبـاـواـ مـلـاـڻـتـاـڪـ ڪـڦـ ڪـهـيـدـوـقـنـ مـاءـعنيـ.

"اعیر: ساتو انو نگره"

اولاھن : ازورا بنت ابراهیم | ۋەنلۇغ ۋەڭلەي حال إحوال إسلام

کسن فينومينا ال نینوييغ ملندا نكارا سىچ هو جوغ تاھون لالو تله مېبىكىن چواچا ۋانس ملمقاو سەھىغىك بىرلا كوماراو دىسىتىغە نىڭرى، سلاعىن قىيىغىكتەن جوملە قىشكۈنلەن اعير دان ايليكترىك. منوروت جابتىن مىتىيورولوڭى سواسان سام ۋەرنە دىعالىمى نكارا قىد تاھون ۱۹۹۷ دان ۱۹۹۸ اۋاپىلا سوھو دچاتتىكەن انتارا ۰.۵ ھىغىك ۲ درجه سىلىسيوس. جلسەن، فينومينا اين سەھارو سەن مېرى رواڭ اوئتۇق كىت مۇمبىيل إعتبار دان تىندىقكەن تىرتىتو اڭر كەھيدوقۇن كىت تىدق ترجىس تراوتاماش كەريسىس بىكلەن اعير.

كېنىتىغۇن اعير كەھيدوقۇن دان عالم سلۇرو وەن مىمۇغ تىدق داۋىت دنافىيەن سېڭىلىي سومېر اصلى يۇغ ۋەرەنگ. اعير دېرلۈكىن سېڭىلىي كەنۋان اساسى دان داۋىت دەمنىغۇن باڭى توچۇان قېلىڭىزلىي آسقىيڭ كەھيدوقۇن. تىنچا اعير، كىت موڭكىن تىدق داۋىت منعىتى دان مۇرسۇن ۋەھىدوقۇن اين دەن سلامت، سلىسا دان سەقۇرنا. جوسترو، اعير مەائىينىكەن فرانى يۇغ قىتىغ دالىم كەجادىن قېلىڭىزلىي مخلوق الله سېحانە وتعالى، لىتنىن مەرىيە جوڭ بىر حاجىت كەند اعير. أقرباين مائىنسى دان سەڭلا مخلوق يۇغ بىرپاوا دىعالىم اين دەن اعير تله دەترىغىكەن أولىيە الله سېحانە وتعالى دىدىم سورة الأنبياء آيات ۳۰ يۇغ بىرمىقىسۇد: "دان تىدقىكە اورۇغ كافىر ايت مىكىرىكەن دان مەفرۇچا يەي بەهاوا سىسوڭىۋەن لا غىت دان بومى ايت قىد أصل مولان بىرچەنلىم (سېڭىلىي بىندا يۇغ ساتو)، لالو كامى ۋېسەنەن انتارا كەدواش؟ دان كامى جادىيەن درىي اعير، تىاۋى ۲ بىدا يۇغ ھىدەوقۇ؟ مەك مەغافى مەرىيە تىدق ماھو بىرإيمان؟".

منوروت ساھىنلىقىسىس بەهاوا ۶۰ ۋەراتوس درىد توبۇھ مائىنسى اداھە اعير دان سېھاكىن بىرىن ترداۋىت دىدىم سېل مائىنسى. سلاعىن ايت، ھەمچىر ۷۱ ۋەراتوس موك بومى دېنۋەي اعير درىي لاءەوت، واف، سوغايى، تاسىك، توکۇف اعيسى، گلاسيا دان تانە. مالە، ملا لەۋەي كىتىن اعير، اعير دەقلانىت بومى اين برگرق سچارا تىف دەرى ساتو تمەت كەتمەت يۇغ لاءەين دان تىنچا كىتىن اين، بومى اىكەن ھەيلۇغ "پاواش".

Adakah anda seorang **PENULIS?**

Mungkin daripada sini anda akan menjadi **penulis terkenal?**

Anda ingin **cube menulis?**

Anda berhasrat **memberi sumbangan** dalam majalah **SINAR ROHANI?**

Anda boleh menulis daripada sekarang

Hantar sumbangan anda segera!!!

Bayaran akan dibuat setelah artikel anda diterima dan disiarkan.

BORANG SUMBANGAN

Nama:

Nama Samaran (jika Ada):

Alamat:

Poskod: Negeri:

No. K/P: No. Tel:

Pekerjaan:

Tahap Pendidikan:

No. Akaun:

Bank:

Cawangan:

Tarikh:

SINAR ROHANI

mengalu-alukan
sumbangan daripada
pembaca. Ganjaran
berpatutan. Sila yang mana berkenaan.

Sajak

Pengurusan Islam

Aqidah

Isu

Islam dan Semasa

Halal dan Islam

Sains dan Islam

Jil al-Qur'an

Cerpen

Global

Muamalat


Alamatkan sumbangan anda kepada:

Pengarang Majalah SINAR ROHANI
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 4, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya
E-mel: sinar@islam.gov.my

JAMI' AT-TIRMIZI

JILID 1

Kitab Jami' at-Tirmizi karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang menempati kedudukan keempat berbanding al-Kutub as-Sittah yang lain iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Jami' at-Tirmizi*, *Sunan an-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*. Antara keistimewaan kitab ini ialah kandungan hadith-hadithnya yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja. Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama' mengenai amalan ibadah berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, tabi'in, atba' at-tabi'in dan ulama' mujahidin, pandangan ulama' terhadap perawi dari sudut *al-Jarh wa at-Ta'dil* dan yang paling penting sekali ialah derjat hadith oleh Imam at-Tirmizi pada sebahagian besar hadithnya. Melalui kitab ini juga, pembaca didedahkan dengan pendapat Imam asy-Syafi'i mengenai sesuatu amalan ibadah berdasarkan hadith yang dibincangkan. Justeru, ia boleh dijadikan sumber rujukan bagi mengenal pasti pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'i dalam sesuatu ibadah.



INFO BUKU

ISBN 978-983-042-563-4

Cetakan Pertama : 2015

Bil. Halaman : 510 Harga : RM83.00

HUBUNGI KAMI DAN DAPATKAN NASKAH ANDA DI:

Unit Edaran dan Promosi, Bahagian Penerbitan, JAKIM,
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentabiran Kerajaan Persekutuan
62519 W.P. Putrajaya.
Tel : 03-8886 4575
Email : promosi@islam.gov.my

Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot. 4, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No.25, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 W.P Putrajaya.
Tel : 03-88903669
Email : kedaibuku@islam.gov.my